

Jilid II  
Bil. 30



Hari Isnin  
17hb Oktober, 1988

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

KANDUNGANNYA

## PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud (Santubong)

[Ruangan 5401]

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 5401]

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988

[Ruangan 5456]

## USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1988 [Ruangan 5459]

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Taph).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P, A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 17hb Oktober, 1988

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN  
TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—  
KEBENARAN: Y.B. DATO'  
DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud, Ahli bagi Kawasan Santubong dari 10hb Oktober, 1988 hingga tamat persidangan.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

FIRMA SWASTA MILIK  
ORANG ISLAM—CUKAI  
PENDAPATAN

1. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri

Kewangan menerangkan:

- (a) adakah Kementerian bercadang akan memberi potongan cukai pendapatan kepada firma-firma swasta milik orang-orang Islam yang ingin membayar Zakat Perniagaan mereka; dan
- (b) bilakah agaknya akan dibuat satu pindaan Akta Cukai Pendapatan bagi melaksanakan perkara tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa buat masa ini Kementerian Kewangan belum bercadang untuk memberi potongan cukai pendapatan kepada firma-firma swasta milik orang-orang Islam yang membuat bayaran zakat perniagaan mereka. Dengan itu, tidaklah dapat dipastikan bilakah pindaan tersebut terhadap Akta Cukai Pendapatan akan dibuat mengenainya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tentang syarikat-syarikat yang membayar zakat tetapi tidak dikecualikan dari cukai pendapatan. Umpamanya Syarikat Tabung Haji telah membayar zakat sejumlah \$2 million tetapi dikenakan cukai pendapatan juga.

Soalan saya apakah rasionalnya Kementerian kenakan bayaran cukai pendapatan kepada firma-firma yang

membayar zakat sedangkan orang-orang perseorangan yang membayar zakat dikecualikan daripada cukai pendapatan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya dasar Kementerian Kewangan ialah memberi rebet kepada seseorang individu yang membayar zakat iaitu amaun zakat yang dibayar itu ditolak daripada cukai yang dikenakan mestilah ia disokong dengan resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Pejabat Agama.

Pada umumnya kita mendapati masalah sedikit jika sekiranya ia diperbesarkan kepada syarikat-syarikat swasta oleh kerana kita dapati kemungkinan pemegang saham sesuatu syarikat itu berubah daripada mana orang-orang yang bukan Islam boleh memiliki sebahagian daripada saham-saham pada masa-masa tertentu oleh kerana saham-saham ini adalah boleh berpindah milik daripada seseorang itu kepada seseorang yang lain. Oleh kerana ia mempunyai kemungkinan pemindahan itu berlaku terpaksa melihatnya dari segi dasar umum pada peringkat ini.

Begitu juga dengan takrif syarikat yang dimiliki orang Islam juga sukar untuk ditentukan tujuannya oleh kerana itu maka kita terpaksa menelitinya dengan lebih mendalam lagi sebelum sesuatu tindakan seperti ditanya oleh Yang Berhormat itu boleh diambil.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun sesebuah syarikat itu berpindah milik saham daripada masa ke satu masa tetapi apakah tidak mungkin Kerajaan menggubal satu peraturan di mana syarikat-syarikat milik umat Islam yang bercadang untuk membayar zakat dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sebab saya kira Yang Berhormat setuju

kerana ini sesuai dengan semangat apa yang dikatakan usaha-usaha secara beransur-ansur ke arah dasar penerapan nilai Islam.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Pandangan Yang Berhormat itu boleh diambil perhatian.

## PROJEK PEMBIAKAN UDANG

2. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah projek pembiakan udang yang telah didirikan oleh Kementerian tersebut di Sabah khususnya di Tawau dan jumlah peruntukan yang disediakan untuk projek-projek berkenaan. Adakah beliau sedar bahawa projek tersebut sedang menjadi popular sehingga terdapat rumah kediaman tertentu telah dijadikan sebagai pusat pembiakan udang, di mana kegiatan tersebut adalah di luar kehendak para penduduk lain. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap kegiatan-kegiatan yang dilarang ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, dua buah projek pembiakan udang yang kini dilaksanakan oleh Kerajaan di Sabah ialah:

- (i) Pusat Penetasan Pelbagai Jenis Ikan—Projek ini adalah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan, Sabah di bawah pembiayaan Persekutuan. Projek ini terletak di Tuaran dalam Bahagian Pantai Barat Sabah. Objektif projek ini ialah bagi menyediakan satu penetasan pengeluaran anak-anak udang harimau dan sebuah pengkalan penyelidikan bagi eksperimen pembiakan ikan-ikan laut, ikan air payau (fin fishes) dan siput-siput. Jumlah kos projek tersebut, termasuk penyediaan tapak, pembinaan

infrastruktur, kemudahan utiliti dan pembekalan alat-peralatan ialah \$4.0 juta yang telah diperuntukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

- (ii) Penetasan Udang Tanjung Lipat—Projek ini adalah dilaksanakan oleh Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri. Projek ini terletak di Tanjung Lipat, Kota Kinabalu.

Projek ini telah beroperasi sejak 1983 dan telah menunjukkan kemajuan yang baik dengan mengamalkan teknik-teknik Taiwan dalam pembiakan "P. monodon post-larvae" menggunakan "gravid female spawner prawns", dengan izin.

Objektif projek ini adalah untuk mendorong pembangunan akuakultur di Sabah dengan menubuhkan penetasan udang sebagai contoh dan menyediakan teknologi dan methodology yang diperlukan, pembekalan PL udang harimau kepada projek kolam air payau Ko-Nelayan di Inanam dan pembekalan PL udang-udang kepada para pengusaha tempatan dan petani-petani bagi memastikan bekalan "post larvae" seumpamanya dengan teratur. Jumlah kos yang terlibat oleh Ko-Nelayan ke atas projek tersebut hingga setakat ini ialah \$300,000.

Kementerian ini sedar bahawa projek pembiakan udang sedang menjadi popular khususnya di Tawau, tetapi Kementerian ini tidak menggalakkan pengusaha penetasan udang untuk menjalankan atau menempatkan perusahaan mereka di dalam kawasan perumahan seperti di belakang rumah dan sebagainya. Pada

masa ini, Kementerian ini belum ada kuasa untuk menghalang pengusaha-pengusaha untuk mengusahakan kolam penetasan dalam kawasan perumahan. Perkara ini adalah terletak di bawah bidangkuasa Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah masing-masing. Berhubung dengan kes yang disebutkan di Tawau, kami telah dimaklumkan oleh Majlis Perbandaran Tawau bahawa mereka baru-baru ini telah menerima aduan daripada pihak orang ramai tentang terdapatnya beberapa rumah kediaman tertentu telah dijadikan sebagai pusat pembiakan udang di Tawau. Aktiviti seperti ini adalah tidak dibenarkan dalam kawasan-kawasan perumahan, dan Majlis Perbandaran Tawau telah pun mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis kepada orang-orang berkenaan supaya menghapus dan menghentikan aktiviti-aktiviti tersebut dengan serta-merta.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi pelaburan swasta, berapakah jumlah pelaburan dari segi swasta yang telah dilaburkan di dalam negeri Sabah di dalam projek pembiakan udang dan berapakah projek-projek yang telah dimajukan dan berapakah tidak dapat dimajukan. Saya ingin dapat tahu juga apakah sumbangan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan atas projek-projek yang sedang menghadapi masalah-masalah untuk menjayakan projek-projek itu?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka untuk sektor swasta—sila beri notis. Tetapi semua yang diberikan oleh Kerajaan ialah dari segi teknikal dan dari segi infrastruktur.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat dipercakap mengenai pembiakan udang terutama sekali di negeri Sabah.

Soalan saya, adakah di Sabah itu di antara negeri-negeri yang terbaik untuk pembiakan udang di Malaysia dan juga di dunia ini, kalau sekiranya dibandingkan kawasan lain di dunia? Yang keduanya, sekiranya Kerajaan menggalakkan pihak individu ataupun swasta untuk menjalankan projek pembiakan udang ini, apakah jaminan bantuan memulakan yang boleh diberi oleh pihak Kerajaan kepada pihak individu ataupun swasta yang berminat betul-betul untuk menjalankan projek seumpama ini termasuklah mungkin interest free loan misal kata ataupun sumbangan wang tidak ada interest, sedekah sahaja misal kata dan sebagainya. Apa jenis bantuan diberi?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Sabah ialah satu negeri yang paling sesuai untuk pembiakan udang harimau sebab di perairan Sabah ada udang-udang ibu atau mother prawns, dengan izin, yang boleh dikatakan paling baik di seluruh dunia. Oleh itu, lebih senang kalau projek-projek untuk pembiakan udang harimau ini adalah diletak di negeri Sabah.

Berkenaan bantuan yang diberikan kepada pihak individu atau swasta memanglah Kementerian tidak ada satu jaminan dan ini bergantung kepada pihak swasta atau individu yang ada minat menjalankan aktiviti ini tetapi kita ada beri bantuan, bukan interest free loan tetapi pinjaman dengan kos lebih rendah dari Bank Pertanian dan juga dari segi apa yang saya sebutkan tadi iaitu dari segi infrastruktur dan dari segi teknikal.

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sabah merupakan sebuah negeri yang banyak mengeluarkan udang. Saya ingin tahu sejauh manakah peranan dan tugas yang telah diberi tanggungjawab

kepada pihak LKIM dan juga Jabatan Pertanian untuk mengawasi ternakan udang di Sabah kerana setahu saya di Sabah ini dalam soal ini diserahkan kepada Ko-Nelayan dan kenapakah perkara ini tidak diberi tanggungjawab kepada LKIM atau Jabatan Pertanian? Dan adakah pihak Kementerian ini akan buat kajian dalam masalah yang saya sebutkan tadi?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah, projek-projek menternak udang atau pembiakan udang ini di bawah Jabatan Perikanan Negeri Sabah dan Ko-Nelayan ialah satu badan yang diawasi oleh Jabatan Perikanan dan Kementerian Pertanian dan kita tidak dapat apa-apa aduan tentang projek-projek yang dijalankan oleh Ko-Nelayan. Kalau ada apa-apa aduan, Yang Berhormat boleh beritahu Kementerian kami dan kami boleh timbang.

#### HOSPITAL DAERAH DUCHESS OF KENT, SANDAKAN

**3. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Menteri menyedari keadaan Rumah Sakit Besar, Duchess of Kent, Sandakan yang begitu sesak dan kekurangan kelengkapan alat-alat rawatan yang moden dan ini telah menyebabkan:

- (a) pesakit-pesakit telah tidak dapat dirawat dengan sempurna dan berkesan dan ada yang mati sementara menunggu alat-alat rawatan yang digunakan oleh pesakit yang lain; dan
- (b) kekurangan katil dan ruang wad yang sesak telah memaksa pihak pengurusan hospital ini menempatkan pesakit kanak-kanak di wad lelaki atau wad dewasa; di mana keadaan begini adalah tidak sihat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh):** Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Kementerian Kesihatan tidak bersetuju sekiranya Hospital Daerah Duchess of Kent dikatakan menghadapi kesesakan. Semenjak 2 tahun yang lepas, hospital ini menunjukkan kadar pengisian, ataupun kadar penggunaan katil di antara 55% hingga 58% sahaja. Namun demikian, dalam keadaan tertentu, seperti wabak penyakit, kesesakan mungkin berlaku. Dalam keadaan sedemikian, wad-wad yang terlibat mungkin tidak dapat menampung keperluan semasa dan wad-wad yang berhampiran akan digunakan. Umpamanya, semasa wabak demam campak di kalangan kanak-kanak sebahagian dari wad dewasa telah digunakan sebagai wad pengasingan untuk sementara waktu;
- (ii) peralatan yang disediakan di Hospital Daerah Duchess of Kent adalah mencukupi bagi penyediaan rawatan yang sempurna. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya kerosakan pada alat-alat tersebut ataupun bila beberapa orang pesakit memerlukannya pada waktu yang sama, maka bilangan yang ada mungkin tidak dapat memenuhi keperluan pada waktu itu. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak ada rekod mengenai pesakit yang meninggal dunia sementara menunggu giliran untuk menggunakan alat-alat rawatan. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat dapat memberi maklumat mengenai kes tersebut, pihak Kementerian akan menyiasat perkara ini;

- (iii) memandangkan kadar penggunaan katil yang tidak begitu tinggi, rancangan untuk memperbesarkan Hospital Duchess of Kent tidak dimasukkan dalam perancangan Kerajaan pada tahun hadapan, tetapi dari masa ke semasa, Kementerian akan memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada serta membekalkan peralatan-peralatan baru untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan. Sehubungan dengan ini, suatu unit rawatan rapi yang lengkap sedang diusahakan dan dijangka siap awal tahun 1989.

Hospital ini telah juga diberi peruntukan peralatan sebanyak \$129,800 untuk tahun ini dan sebanyak \$127,000 untuk tahun hadapan. Selain daripada itu, sejumlah \$1,328,687 telah juga dipohon untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi tahun 1989.

**Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa doktor udara Yayasan Sabah telah dimansuhkan oleh Kerajaan Negeri. Jadi, sekarang pesakit-pesakit dalam kawasan pedalaman, khususnya di kawasan Kinabatangan, kawasan saya, apabila sakit mereka datang berduyun-duyun ataupun beramai-ramai ke hospital tersebut. Jadi, adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk memperbesarkan lagi hospital yang tersebut. Itulah sahaja soalan tambahan daripada saya.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai rancangan untuk memperbesarkan hospital itu adalah bergantung kepada beberapa faktor iaitu keperluan dan selain daripada itu juga kemudahan ataupun kedudukan kewangan pihak Kerajaan dan kalau faktor-faktor ini dapat dipenuhi, maka

Kerajaan akan memikirkan untuk memperbesar hospital itu.

#### FIRMA AKAUNTAN PALSU

**4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah firma-firma akauntan palsu dan firma akauntan yang tidak berdaftar dengan "Institut Akauntan Malaysia" yang sedang menjalankan kegiatannya pada masa kini; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kementerian bagi mengatasi wujudnya firma-firma akauntan yang bersyubahat dengan pelanggan-pelanggan mereka untuk memalsukan akaun bagi tujuan mengurangkan beban cukai.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah firma akauntan yang palsu tidak dapat dianggarkan dengan tepat kerana ada yang bergiat secara terbuka dan ada yang bergiat secara sulit. Pihak Institut Akauntan Malaysia (MIA) hanya dapat mengesan akauntan-akauntan palsu ini setelah menerima maklumat mengenai kegiatan mereka daripada ahli-ahli berdaftar ataupun daripada orang ramai. Sehingga ini 92 kes telah dilaporkan kepada polis oleh MIA setelah menerima aduan ataupun sudah dilaporkan kepada Polis oleh MIA sendiri setelah mereka menerima aduan. Adalah dianggarkan bahawa bilangan firma akauntan palsu berjumlah lebih kurang dalam lingkungan 500 sekarang ini.

Firma akauntan yang menjalankan kegiatan pada masa kini tidak perlu berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia kerana pendaftaran mereka dibuat oleh Pendaftar Syarikat setelah mereka mendapat Lesen Juruaudit dari Perbendaharaan dan Lesen Agen

Cukai dan Penasihat Pencukaian dari Jabatan Hasil Dalam Negeri.

MIA (Malaysian Institute of Accountants) akan mengedarkan suatu "directory", dengan izin, yang lengkap untuk memaklumkan kepada orang ramai nama-nama firma dan individu yang telah diberi lesen dan yang telah didaftarkan sebagai Akauntan, Juruaudit dan Agen Cukai yang sah. Dengan adanya senarai sedemikian, orang ramai akan dapat membezakan antara mereka yang berdaftar dengan yang palsu.

Akta Akauntan 1967 telah menurunkan kuasa kepada MIA untuk mengambil tindakan terhadap firma-firma akauntan yang bersyubahat dengan pelanggan-pelanggan mereka untuk memalsukan akaun bagi tujuan mengurangkan beban cukai mereka. MIA telah mengeluarkan amaran yang keras terhadap ahli-ahlinya bahawa sesiapa yang didapati bersalah dalam hal ini akan dihukum dengan tindakan tatatertib ataupun didenda atau dibuang daripada keanggotaannya. MIA juga sedang mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Akauntan 1967 iaitu supaya denda yang dikenakan itu dinaikkan dari \$1,000 kepada \$5,000 bagi kesalahan pertama dan daripada \$2,000 kepada \$10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Jabatan Hasil Dalam Negeri juga telah diberi kuasa melalui Seksyen 114 Akta Cukai Pendapatan untuk mendenda 3 kali ganda jumlah cukai yang dielakkan atau dievadakan dan orang-orang yang berkenaan boleh dipenjarakan selama 3 tahun di samping denda sebanyak \$10,000 jika mereka itu didapati bersalah kerana bersyubahat dengan mana-mana pihak dalam mengelakkan cukai. Di samping itu, Kementerian Kewangan boleh menarik balik lesen Juruaudit dan Lesen Agen Cukai daripada firma-firma yang melakukan kesalahan tersebut.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini hasil daripada siasatan yang dibuat, dapatkah dikesan dan dapatkah dianggarkan jumlah kerugian daripada perbuatan mengelakkan atau mengurangkan beban cukai oleh firma-firma yang bersyubhat dengan pelanggan-pelanggan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita susah hendak menganggarkannya, tetapi selalunya kita buat estimet sahaja. Jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut, saya boleh memberi jawapan secara bertulis.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai sesuatu syarikat yang mengemukakan penyata kewangan mereka yang sudah diauditkan tidak semestinya mendapat khidmat daripada firma akauntan yang bertauliah. Jadi, bagaimanakah caranya untuk menyekatkan pemalsuan firma-firma akauntan itu, sebabnya kalaulah Jabatan Hasil Dalam Negeri menetapkan syarat di mana penyata kewangan itu mesti dan hendaklah diaudit dan dikemukakan oleh akauntan yang bertauliah, mungkin hal ini dapat dikurangkan kerana ini tidak semestinya diberi khidmat oleh akauntan yang bertauliah. Saya ingin mendapat pandangan dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya Jabatan Hasil Dalam Negeri hanya menerima pengauditan yang dilakukan oleh juruaudit yang ditauliahkan. Jika sekiranya dilakukan oleh juruaudit yang tidak bertauliah ataupun yang palsu, maka

kemungkinan besar Jabatan Hasil Dalam Negeri akan membuat penyiasatan lanjut mengenai dengan syarikat dan penyata kewangan syarikat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini kita telah melatih lebih kurang 200-300 orang mahasiswa yang dikatakan tidak mendapat pekerjaan ketika ini untuk menjadi juruaudit ataupun agen pencukaian. Kita juga bercadang untuk melatih lebih kurang 1,000 orang dalam tempoh dua-tiga tahun ini, tetapi jika sekiranya masih berlaku juga evasion of tax, dengan izin, yang menjalankan kegiatan syubhat dari pihak akauntan atau firma akauntan yang tidak sah, mungkin undang-undang berkenaan akan diperketatkan lagi.

#### PENCEN TENTERA BRITISH

**5. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah usaha dari Kerajaan untuk berbincang dengan Kerajaan British atas nasib 902 orang anggota bekas tentera British (MOR) berkaitan dengan pencen mereka:

- (a) kalau ada, bila dan apa perkembangannya; dan
- (b) kalau tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan faedah pencen yang lebih tinggi bagi rakyat Malaysia yang telah berkhidmat dengan tentera British atau dengan izin Locally Enlisted Personnel (LEP). Kementerian sedang mengumpulkan maklumat-maklumat lanjut supaya tindakan seterusnya dapat diambil.

Satu Jawatankuasa bagi mengkaji perkara ini telah pun dibentuk dengan

tujuan menyediakan suatu memorandum lengkap bagi dijadikan asas perbincangan antara Kementerian Pertahanan dengan pihak Kerajaan British. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seorang wakil daripada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia menjadi ahli dalam Jawatankuasa ini. Sebaik sahaja memorandum mengenai perkara ini disiapkan, perundingan antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British akan diadakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah rakyat Malaysia yang terlibat ialah 705, bukannya 902 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa memorandum ini sedang disiapkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini bilakah target supaya memorandum ini disiapkan untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan British. Dan saya merasa hairan mengapakah memakan masa yang begitu lama untuk menyediakan memorandum ini, sedangkan perkara ini telah berlaku begitu lama.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini bukan boleh diulang-kaji tiap-tiap tahun. Mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British pada 28-8-1957 di bawah Annex II, Section 11/1957, Confidential Exchange of Letters, ulang-kaji akan dilakukan apabila berlakunya perubahan belanja hidup, dengan izin, cost of living yang ketara ataupun jika terdapat pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkenaan. Oleh hal yang demikian, ini tidak bermakna bahawa Kementerian Pertahanan tidak mengambil apa-apa tindakan dalam hal ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa hari Selasa yang akan datang iaitu 25-10-88 mesyuarat yang ketiga akan diadakan di Kementerian Pertahanan dan apabila selesai mesyuarat ini di antara Kementerian Pertahanan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta juga dengan Persatuan Bekas-bekas Perajurit, kita akan berunding dengan Kerajaan British.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih banyak atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Tetapi saya ingin penjelasan. Saya difahamkan yang baru-baru ini Setiausaha Rendah Pertahanan British ada membuat lawatan ke Malaysia dan adakah masalah ini telah dibincangkan di dalam perjumpaan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini British Parliamentary Under Secretary for Defence Procurement, dengan izin, telah berjumpa dengan saya di Kementerian Pertahanan dan saya telah meminta pertolongan beliau untuk merujuk kepada rakan sejawatnya di Kementerian Pertahanan United Kingdom untuk meminta membawa perkara yang dibincangkan oleh kami berkenaan dengan masalah Persatuan Bekas-bekas Perajurit ini.

#### TENDER TAWARAN PROJEK LEBUHRAYA JEJAMBAT KEPONG—RAWANG

6. **Dr V. David** minta Menteri Kerja Raya memberi maklumat-maklumat yang berikut:

- (a) Bilangan pelamar-pelamar yang telah dibentangkan tawaran-tawaran bagi pembinaan

lebuhraya jejambat menuju ke Kepong dan Rawang:

- (b) Nama pelamar yang telah berjaya mendapat tawaran, nama syarikatnya, dan apakah jenis perjanjian Kerajaan ingin mengadakan dengan syarikat yang berkaitan di atas pungutan-pungutan tol; dan
- (c) Apakah tempohnya syarikat ini diberi kebenaran memungut tol, dan bilakah Kerajaan ingin mengambil alih fungsi ini dari pelamar sekarang ini.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Sejumlah 8 syarikat telah memasuki tawaran projek ini apabila tawaran projek dibuka.
- (b) Syarikat Sri Angkasa Sendirian Berhad telah berjaya mendapat tawaran projek ini dan Kerajaan telahpun menandatangani satu perjanjian kontrak projek dengan syarikat tersebut yang mana di antara lainnya Kerajaan membenarkan syarikat tersebut membina, menyelenggara dan juga memungut tol di Jalan Kuching untuk selama 9 tahun. Kadar-kadar tol yang dikenakan adalah:

50 sen — bagi kenderaan yang mempunyai dua gandar dengan tiga atau empat roda; dan

\$1.00 — bagi kenderaan yang mempunyai dua gandar atau lebih dan dengan lima roda atau lebih.

- (c) Syarikat ini telah diberikan tempoh pungutan tol selama 9 tahun bermula pada 8-1-1987

dan Kerajaan dijangka mengambilalih operasi jalan tersebut apabila tamat tempoh yang diberikan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang saya nampak Syarikat Sri Angkasa telah menjadi Kemunting Tin. Apakah yang terjadi Yang Berhormat dengan nama syarikat itu ditukarkan, adakah syarikat ini dimiliki oleh orang-orang yang lain dan dengan ini adakah ini akan menjejaskan kepentingan orang ramai.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan telah menandatangani perjanjian di antara Kerajaan dengan syarikat ini ada dibuat syarat-syarat. Apabila tuan syarikat itu suka menjualkan syarikatnya kepada mana-mana pihak, Kerajaan bersetuju jika sekiranya mereka mengikut dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan. Mereka menetapkan syarat, kita beri kebenaran kepada mereka untuk menukar syarikat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Peralihan daripada Sri Angkasa ke Kemunting Tin itu bukannya satu cara mereka yang diberi projek untuk mendapat untung cepat dengan menyenaraikan syarikat tersebut iaitu Syarikat Kemunting Tin itu adalah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Apakah ini satu kesempatan yang diambil oleh golongan-golongan yang berpengaruh di dalam Kerajaan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bukan tujuan untuk menukar syarikat itu oleh sebab pengaruh apa-apa perkara, tetapi ini sudah termasuk dalam perjanjian tersebut mengikut undang-undang. Tidak ada kesalahan saya nampak dalam perjanjian itu.

## US TRADE BILL—KESAN EKONOMI MALAYSIA

7. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kesannya kepada ekonomi Malaysia apabila Presiden Reagan menandatangani US Trade Bill yang diluluskan oleh Kongres pada bulan Ogos yang lalu. Apakah kemungkinan Kerajaan menggunakan saluran seperti GATT untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul dari tindakan Amerika Syarikat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, Presiden Reagen telah menandatangani US Trade Bill dalam bulan Ogos yang lalu setelah ianya terlebih dahulu diluluskan oleh Kongres. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, akta perdagangan baru itu mengandungi antara lain, peruntukan-peruntukan berikut:

- (i) memberi kuasa kepada Presiden sehingga tahun 1933 untuk merundingkan perjanjian dua-hala dan pelbagai hala bagi Amerika Syarikat di mana Presiden boleh mengurangkan tarif sebanyak 50% tanpa mendapat kebenaran daripada Kongres.
- (ii) memberi kuasa kepada Office of the US Trade Representative (USTR) untuk berunding dengan mana-mana yang dipercayai mengamalkan perdagangan yang tidak adil dengan United States (unfair-trade practices), di mana sekiranya langkah ini gagal, pihak USTR boleh mengambil tindakbalas terhadap negara ini;
- (iii) memperketatkan undang-undang berkenaan dengan

lambakan barang-barang (dumping ground) dan subsidi eksport.

Di antara peruntukan-peruntukan yang saya nyatakan itu, yang menimbulkan reaksi kebanyakan rakan-rakan perdagangan Amerika Syarikat ialah mengenai kuasa yang diberikan kepada USTR untuk mengambil tindak-balas menyekat import dari negara-negara yang dipercayai mengamalkan perdagangan tidak adil (unilateral retaliatory action on unfair-trade practices) seperti menurunkan nilai matawang (depreciation of currency) bagi meningkatkan daya saingan eksport dari negara-negara itu.

Peruntukan-peruntukan yang dinyatakan itu terutamanya mengenai tindakbalas pihak USTR ke atas kes amalan perdagangan yang difikirkannya tidak adil, boleh memberi kesan yang buruk kepada eksport semua rakan perdagangan Amerika Syarikat, termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia mengamalkan dasar perdagangan yang terbuka, dan "transparent" atau jelas selaras dengan peraturan-peraturan GATT. Oleh itu, kita percaya Amerika Syarikat tidak mempunyai asas untuk mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta baru itu terhadap Malaysia.

Di dalam perhubungan perdagangan Malaysia dengan rakan-rakan perdagangannya, sebarang masalah dan salah-faham yang timbul mengenai sesuatu isu perdagangan biasanya dibincangkan terlebih dahulu dengan negara berkenaan bagi mencari penyelesaian. Sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan melalui rundingan dua-hala, Malaysia sebagai "contracting party" kepada GATT boleh membawa perkara itu kepada pertimbangan badan tersebut.

**Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Ada setengah pihak yang mengatakan bahawa Trade Bill ini hanya merupakan satu alat untuk memancing undi di dalam pilihanraya Presiden yang akan diadakan sedikit masa nanti dan kemungkinan ianya tidak akan diimplimentasikan selepas pilihanraya Presiden diadakan. Soalan saya ialah daripada sumber-sumber Kerajaan kita, apakah dakwaan ini benar dan kalau tidak benar, sudahkah usaha-usaha untuk mengimplimentasikannya telah dijalankan oleh Kerajaan Amerika Syarikat?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada apa-apa kaitan dengan soalan asal.

#### PELANCONGAN ASING KE MALAYSIA—STRATEGI

**8. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) berapakah bilangan pelawat-pelawat asing yang melawat Malaysia bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988;
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa tidak ada strategi pengiklanan yang selaras untuk membangunkan industri pelancongan; dan
- (iii) sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, bilangan pelawat-pelawat asing yang melawat Malaysia bagi

tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pelawat</i>
1985 .. .. .	2,933,300 orang
1986 .. .. .	3,027,790 orang
1987 .. .. .	3,146,250 orang
Januari-September 1988	2,598,350 orang

Kedua, anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian tidak ada strategi pengiklanan yang selaras untuk membangunkan industri pelancongan tidaklah betul. Sebaliknya kempen ini telah dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kempen-kempen pengiklanan ini telah dilaksanakan berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang dijalankan di pasaran-pasaran yang telah dikenal pasti mempunyai potensi yang menggalakkan berdasarkan makluman balas yang diterima dari pejabat-pejabat PKPM (TDC) di seberang laut serta agensi-agensis pengiklanan dan perhubungan awam PKPM di seluruh dunia. Berdasarkan pada maklumat-maklumat tadi, kempen-kempen pengiklanan telah disediakan dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kesesuaian pasaran-pasaran berkenaan. Strategi kempen pengiklanan telah disediakan dan dirancangkan sebegitu rupa sehingga iklan-iklan yang disiarkan itu bukan sahaja akan menimbulkan kesedaran yang lebih terhadap negara ini sebagai satu destinasi pelancongan tetapi juga menimbulkan minat serta "recall" yang tinggi terhadap iklan-iklan tersebut. Aktiviti-aktiviti pemasaran dijalankan berdasarkan pasaran yang menyeluruh. Supaya pengiklanan mendatangkan kesan yang baik, maka kempen-kempen pengiklanan itu dibuat melalui media elektronik, media cetak dan bill-board.

Bagi jawapan soalan yang ketiga, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tidaklah berbangkit kerana faktor-faktor yang telah saya jelaskan sebentar tadi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan Pelan Induk yang telah disentuh oleh pihak Kerajaan tidak lama dahulu untuk memajukan industri pelancongan negara kita, maka saya ingin mendapat tahu apakah perkembangan terakhir tentang pelaksanaan Pelan Induk untuk memajukan bidang pelancongan ini?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah pun menerima kajian terakhir yang telah dijalankan oleh pihak JICA baru-baru ini dan pihak Kementerian telah dan sedang membuat kajian-kajian terakhir memandangkan laporan ini disediakan oleh pihak JICA dan terdapat beberapa perkara yang perlu disesuaikan dengan negara kita. Maka buat masa ini tidaklah dapat saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai keputusan akhir yang akan diambil oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, daripada bilangan pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri yang melawat Malaysia bagi tahun-tahun 1985 hingga 1988, saya ingin tahu berapa jumlah yang pergi ke Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak.

Keduanya, saya ingin tahu juga daripada Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian yang berkenaan ataupun pihak Kerajaan sudah berunding dengan pihak MAS sama ada penerbangan Singapore Airlines dapat

diberi permit untuk terbang ke Sabah dan Sarawak supaya memudahkan perjalanan pelancong yang datang dari Singapura ataupun Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf mengenai soalan pertama iaitu jumlah pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak tidak ada butirnya pada saya ketika ini dan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Kedua, mengenai dengan kebenaran SIA ataupun pihak Penerbangan Singapura ke Kuching, Sarawak, memang dari semasa ke semasa telah dijalankan perundingan-perundingan, kerana pihak Kementerian yang berkenaan, yang bertanggungjawab mengenai MAS atau Malaysia Airlines juga menduduki Jawatankuasa Induk Pelancongan dan juga kita ada satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kabinet yang boleh juga membincangkan mengenai perkara ini. Memang perkara-perkara ini juga ditimbulkan tetapi sudah tentulah pertimbangan-pertimbangan yang lain juga diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dan kita yakin jika Kerajaan berpendapat ianya perlu, sudah tentu ianya akan dilaksanakan tetapi jika kepentingan-kepentingan negara dan kepentingan-kepentingan lain yang difikirkan lebih perlu, maka sudah tentulah perkara ini dibuka kepada perbincangan dari masa ke semasa.

#### PESTA NEGERI—MENYELARASKAN JADUAL

9. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) bagaimana penyelarasan yang dibuat dalam mengendalikan

berbagai-bagai pesta di seluruh negara pada tahun ini; mengapakah tempoh masa mengadakan pesta-pesta tersebut seperti Pesta Port Dickson, Karnival Melaka, Pesta Kebudayaan Terengganu, Pesta Shah Alam adalah pada waktu yang hampir sama dan ada yang serentak;

- (ii) apakah kesan pesta ini dari segi menarik para pelancong dan dapatkah ianya memberikan pulangan faedah yang tinggi berbanding dengan kos pembiayaan yang telah dikeluarkan; dan
- (iii) apakah matlamat sebenar Kerajaan mengadakan Malaysia Fest.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:**  
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah sedaya upaya cuba menyelaraskan jadual pesta-pesta negeri melalui mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelancongan yang diadakan di antara Kementerian dan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pelancongan. Walau bagaimanapun, oleh kerana faktor-faktor tempatan, maka bagi setengah-setengah pesta, kebanyakan negeri telah memilih tarikh yang tersendiri yang hampir serupa.

Setakat ini Kementerian belum menerima maklumat-maklumat sebenar mengenai pulangan daripada pesta-pesta yang telah diadakan itu. Maka kesannya dari segi pulangan faedah tidak dapat ditentukan lagi pada masa sekarang.

Daripada sambutan yang diberi, adalah didapati kebanyakan pelawat-pelawat ialah pelancong dalam negeri. Bagi pelancong-pelancong luar negeri, pesta-pesta ini akan dapat memperkenalkan negeri-negeri berkenaan

kepada mereka dalam jangka masa yang panjang.

- (iii) Matlamat Kementerian mengadakan perayaan "Malaysia Fest" adalah:

- (a) Mengaturkan aktiviti-aktiviti tarikan pelancongan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan di Kuala Lumpur dalam satu masa yang dikhaskan agar ia dapat mendedahkan keindahan dan kemampuan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat tarikan pelancong.
- (b) Memberi peluang kepada pelancong-pelancong yang berada di Kuala Lumpur yang tidak mempunyai masa bagi melawat lain-lain tempat di Malaysia untuk menikmati tarikan-tarikan kebudayaan yang terdapat di seluruh negara melalui perayaan ini dengan matlamat agar mereka akan datang sekali lagi dan menikmati keindahan, kebudayaan lain-lain tempat di negara ini.
- (c) Menjadikan "Malaysia Fest" tarikan pelancong tahunan yang utama bagi negara ini. Kebanyakan negara-negara yang mengutamakan sektor pelancongan ada perayaannya sendiri, umpamanya, Edinburg Festival, Mardi Gras Pasadena Rose Bowl Parade dan lain-lain. Dengan keputusan Kerajaan mengisytiharkan tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia, Malaysia Fest

boleh menjadi satu daripada "anchor event" yang boleh menarik pelancong luar negeri.

- (d) Menggalakkan pelancongan tempatan dengan memberi peluang kepada masyarakat di luar Kuala Lumpur untuk datang ke Bandaraya ini dan turut serta menyaksikan serta menikmati kebudayaan, masakan negeri-negeri di seluruh Malaysia di samping mendapatkan penerangan pelancongan.
- (e) Meningkatkan kadar penginapan hotel-hotel Kuala Lumpur yang mempunyai kadar penginapan yang agak rendah pada bulan September dan Oktober.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dijelaskan bahawa tujuan utama diadakan Malaysia Fest adalah untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar negeri, tetapi didapati bahawa usaha menarik pelancong-pelancong luar negeri itu adalah kurang mendapat sambutan. Dalam Malaysia Fest itu kita boleh dapati kebanyakannya orang Malaysia sahaja ataupun orang tempatan. Soalannya, kenapakah terjadi demikian dan agaknya berapa peratus pelancong-pelancong itu datang dan sekiranya disedari keadaan ini apakah usaha-usaha untuk mengatasinya kerana tujuan utama adalah untuk menarik pelancong luar negeri, bukan dalam negeri, walau macam manapun, tahniah.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

perbetulkan soalan daripada Yang Berhormat tadi kerana jawapan saya yang asal kita tidak menyatakan bahawa Malaysia Fest itu tujuan utamanya untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar negeri sahaja, tetapi dalam jawapan saya tadi saya sebutkan juga bahawa ianya memberi peluang kepada pelawat-pelawat di luar daripada sekitar Kuala Lumpur untuk datang ke Kuala Lumpur dan adalah juga tidak benar bahawa maklumat-maklumat ini kita tidak pasarkan di luar negeri. Sebenarnya memang dari segi Kementerian kita mempunyai berbagai-bagai cara memaklumkan mengenai pesta ini di luar negeri melalui pejabat-pejabat TDC, agensi-agensi pelancongan yang terkemuka di luar negeri di mana terdapat pejabat-pejabat TDC kita di luar negeri. Di samping itu, kita juga telah mengiklankan Malaysia Fest ini di Singapura dan Thailand melalui suratkhobar. Dan juga di samping itu, kita juga mengiklankannya melalui Malaysia Airlines dalam penerbangan-penerbangan antarabangsa. Begitu juga, kita telah mengadakan publisiti yang agak meluas melalui radio dan televisyen.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan kerana telah berjaya dua kali mengadakan Malaysia Fest dan saya yakin daripada dua Malaysia Fest ini telah menghadapi banyak pengalaman. Soalannya, saya ingin tahu sejauh manakah kejayaan sejak dua "Fest" yang diadakan ini, bukan sahaja dari segi penambahan tempahan hotel dan juga masalah-masalah yang dihadapi dalam telah mengadakan dua Malaysia Fest yang berlatu.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang dalam apa-apa aktiviti untuk

melibatkan satu perkara yang begitu besar mempunyai masalah-masalah yang tertentu dan bagi Malaysia Fest yang kedua ini kita telah mendapat pengalaman yang lebih berguna setelah kita melaksanakan Malaysia Fest yang pertama. Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi ini sudah tentu kita akan atasi dari setahun ke setahun dan masalah-masalah ini sudah tentulah ianya berlainan daripada setiap tahun yang kita buat aktiviti Malaysia Fest ini. Umpamanya pada Malaysia Fest yang pertama kita dapati liputan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu daripada luar negeri tidak begitu teratur, maka pada tahun ini kita telah menjemput sebanyak 75 orang wartawan dan penulis pengembara daripada luar negeri dan kita telah uruskan mereka dengan seberapa baik yang mungkin agar apabila mereka balik nanti ke negara masing-masing mereka dapat memberi gambaran yang lebih jelas terhadap tempat-tempat pelancongan yang ada di dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau.

*(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau tidak hadir)*

#### **ZON EKONOMI EKSKLUSIF— PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM**

**11. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pertanian menyatakan walaupun Perjanjian bagi penangkapan ikan laut dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) telah ditandatangani oleh Negara-negara berkenaan, kita masih dapati kawasan penangkapan ikan laut dalam ini dicerobohi oleh nelayan-nelayan Negara berkenaan telah ditahan dan

dihadapkan ke Mahkamah; sejauh manakah Perjanjian ini dipatuhi dan adakah pakatan ZEE memberi kesan yang positif atau negatif. Nyatakan berapa ramaikah nelayan asing telah ditangkap kerana menceroboh perjanjian ini dan adakah nelayan-nelayan kita ditangkap di perairan laut dalam negara lain.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menandatangani Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Undang-undang Laut pada tahun 1982 dan telah mengisytiharkan Zon Ekonomi Eksklusif pada tahun 1980. Dengan itu Malaysia berhak untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 dan Akta Perikanan 1985 telah dikuatkuasakan dengan begitu berkesan sekali sejak kedua-dua Akta ini dikuatkuasakan pada tahun 1985 dan 1986 masing-masing dan peruntukan kedua-dua Akta ini telah memberi manfaat kepada Malaysia. Seramai 831 orang nelayan asing telah ditangkap pada tahun 1986, 1,134 orang pada 1987 dan sehingga Oktober, 1988 seramai 401 orang nelayan asing telah ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah.

Mengenai nelayan-nelayan Malaysia yang ditangkap di perairan laut dalam negara lain, dimaklumkan tidak ada apa-apa laporan diterima.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam nelayan-nelayan luar yang ditangkap di kawasan perairan kita, nelayan-nelayan dari negara manakah mereka itu sama ada dari Thailand, Indonesia, Filipina dan sebagainya yang boleh dijelaskan. Dan begitu juga nelayan-nelayan dari Malaysia, di kawasan perairan manakah yang selalunya menjadi sasaran tahanan oleh negara-negara lain.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah nelayan-nelayan yang telah ditangkap adalah seperti berikut:

	1986	1987	1988
Thailand .. . . .	60	95	61
Indonesia .. . . .	26	3	5
Singapura .. . . .	19	6	1
Taiwan .. . . .	3	1	9
Vietnam .. . . .	5	5	—
Filipina .. . . .	3	—	2
Hongkong .. . . .	1	2	1

Nelayan-nelayan tempatan yang ditangkap/ditahan oleh nelayan-nelayan, kita tidak dapat laporan.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya nelayan-nelayan yang ditahan atau ditangkap oleh Kerajaan Malaysia kebanyakannya adalah daripada negara-negara jiran dan sebilangan besar adalah dari Thailand. Saya difahamkan pada satu masa dahulu untuk mengatasi masalah penguatkuasaan kedua-dua Akta ini, kedua-dua buah Kerajaan, Thailand dan Malaysia, telah pun mengadakan rundingan untuk mengadakan satu perjanjian kerjasama perikanan di dalam Zon Ekonomi Eksklusif. Saya ingin tahu apakah perkembangan terakhir berkenaan perjanjian kerjasama ini dan adakah juga pihak Malaysia akan mengadakan rundingan untuk mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran yang lain seperti Indonesia, Filipina dan Vietnam.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar pihak Kerajaan Malaysia ada berunding dengan Kerajaan Thailand untuk menandatangani satu perjanjian kerjasama, tetapi malangnya perjanjian ini tidak dilakukan sehingga sekarang dan sekarang ini tidak ada rundingan di antara kedua-dua negara

untuk menandatangani satu perjanjian kerjasama. Kita pun tidak ada rundingan dengan negara-negara jiran yang lain untuk mengadakan satu perjanjian kerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

*(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)*

### SUKATAN PELAJARAN DI INSTITUSI SWASTA

**13. Tuan James Jimbun anak Pungga** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah sukatan pelajaran yang digunakan oleh institusi swasta di dalam negeri ini lebih rendah atau sama dengan institusi awam. Kalau demikian, apakah langkah untuk mengurangkan jumlah institusi swasta bagi mengawasi mutunya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukatan pelajaran yang digunakan di institusi swasta untuk sesuatu peperiksaan awam adalah sama dengan yang digunakan oleh sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Oleh itu tidak timbul soal sukatan pelajaran institusi swasta lebih rendah tarafnya.

Kementerian Pendidikan juga sentiasa mengawal perjalanan institusi swasta supaya dapat membantu usaha-usaha Kerajaan bagi menyediakan kemudahan pendidikan tambahan kepada rakyat kita.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk sukatan pelajaran yang terdapat di Institusi Al-Arqam.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon notis dahulu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah institusi swasta yang wujud di negara kita sekarang ini, terutamanya apabila kita dapati banyak syarikat-syarikat awam ataupun yang didaftarkan dengan Bursa Saham, Kuala Lumpur menganjurkan institusi-institusi seumpama ini. Apakah Yang Berhormat sedar dari segi bentuk jumlah atau bilangan pelajar-pelajar tersebut, kerana kita bimbang jumlah pelajar yang diambil ini tidak akan seimbang dalam konteks pencapaian Dasar Ekonomi Baru nanti.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah swasta yang sudah didaftar di negara ini adalah 675 buah dan saya tidak mengenalpasti berapa buah yang didaftarkan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Untuk menggalakkan lebih rakyat kita untuk belajar, kita menggalakkan lebih banyak sekolah-sekolah swasta untuk ditubuhkan sekiranya mereka dapat dikawal oleh Kementerian Pendidikan dan untuk memberi peluang kepada rakyat kita untuk mempertingkatkan ilmu mereka dan ini tidak bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 12 dan 14 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).*

#### **BILIK DARJAH DAN RUMAH GURU DI LUAR BANDAR**

**10. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah peruntukan untuk memperbaiki dan membuat bilik-bilik

darjah dan rumah-rumah guru di luar bandar Negeri Sarawak kerana keadaan patut diperbaiki lebih sesuai lagi oleh Pejabat Pendidikan Negeri Sarawak dibelanjakan habis dalam tahun 1986 dan 1987. Jika tidak, apa masalahnya dan jika peruntukan tidak cukup, adakah Menteri akan menambah perbelanjaan Negeri Sarawak untuk Rancangan Malaysia Kelima.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang ada menyediakan peruntukan untuk membina bilik-bilik darjah dan rumah-rumah guru di luar bandar, Negeri Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$189.8 juta telah diperuntukkan bagi membina bilik-bilik darjah dan rumah guru. Setakat ini sebanyak \$94.6 juta telah pun dibelanjakan. Adalah dijangkakan sehingga tamat tempoh Rancangan Malaysia Kelima kesemua peruntukan tersebut akan dibelanjakan. Kementerian ini bersedia menambahkan peruntukan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak dan keupayaan JKR Sarawak menyiapkan projek berkenaan.

#### **TAHANAN ISA DI KEM TAHANAN KAMUNTING**

**12. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Pemangku Ketua Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting, iaitu Haji Ali bin Abdullah serta kakitangan-kakitangannya sentiasa memujuk tahanan-tahanan yang tertentu untuk mengintip tahanan-tahanan yang lain (Khususnya tahanan-tahanan ISA Operasi Lallang yang merupakan ahli-ahli politik) dan memberi laporan mengenai mereka dengan janji bahawa dia dan

kakitangan-kakitangan akan "mencari jalan" supaya mereka akan dapat dibebaskan secepat mungkin; dan

- (b) jika ya, adakah itu sebahagian daripada rancangan pemulihan Unit itu dan yang diperangsang oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Setakat yang diketahui kakitangan-kakitangan Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting tidak pernah memujuk orang-orang tahanan tertentu dengan janji-janji mempercepatkan pembebasan mereka supaya membuat pengintipan dan memberi laporan kepada Pegawai-pegawai Pemulihan mengenai orang-orang tahanan ISA yang ditangkap dalam Operasi Lallang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk membebaskan orang-orang tahanan ISA adalah terletak di bawah kuasa Menteri Dalam Negeri sendiri dan bukannya boleh dijanji-janjikan oleh sesiapa pun.

#### PELABURAN ASING

**14. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah wang sebenar-benarnya yang telah dilabur oleh sumber-sumber luar negeri;
- (ii) angka-angka terhadap pelaburan dari sumber-sumber luar negeri mengikut negara-negara yang melabur masing-masing, sektor-sektor (sama ada pembuatan, perindustrian berat, pertanian dll) yang dilaburkan dalam tempoh 1-9-1987 hingga 1-9-1988; dan
- (iii) apakah dasar Kerajaan di dalam menarik pelaburan

asing itu; adakah ianya ditumpu kepada sektor-sektor, ataupun penggantian import (import substitution) ke arah pasaran tempatan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

- (i) Jumlah pelaburan asing dalam projek-projek yang telah diluluskan oleh MIDA dan telah beroperasi pada 31-12-1987 adalah sebanyak \$7,794.4 juta.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1988 ini pula, MIDA telah menerima sebanyak 396 permohonan yang mempunyai kepentingan asing dengan cadangan modal ekuiti asing sebanyak \$2,319.4 juta. Dalam tempoh ini juga, MIDA telah meluluskan 277 projek yang mempunyai kepentingan asing dengan cadangan modal ekuiti sebanyak \$1,311.2 juta. Jumlah ini adalah kira-kira 254 peratus lebih besar dari modal ekuiti asing yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1987.

- (ii) Dalam tempoh 1 September, 1987 sehingga 1 September, 1988 tersebut, sebanyak 453 projek yang mempunyai kepentingan asing telah diluluskan. Pelaburan asing yang dicadangkan dalam projek-projek yang diluluskan ini berjumlah kira-kira \$4,384.3 juta. Antara negara-negara utama ialah Jepun (\$1,307.3 juta), Taiwan (\$608 juta), Perancis (\$571 juta), Singapura (\$427.1 juta) dan Amerika Syarikat (\$280.6 juta).

Mengikut industri pula, pelaburan asing terbesar adalah di dalam industri barang-barang elektrik dan

elektronik (\$1,134.4 juta), industri barang-barang logam asas (\$635.7 juta), industri pengilangan makanan (\$577.7 juta), industri barang-barang kimia (\$560.2 juta) dan industri barang-barang getah (\$494.3 juta).

- (iii) Kerajaan menggalakkan pelaburan asing dalam sektor berorientasikan eksport dan juga tidak menghalang pelaburan asing dalam sektor penggantian import dengan syarat ianya memenuhi syarat-syarat ekuiti pemilikan dan segala syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kerajaan menggalakkan pelaburan asing kerana ianya akan memberikan faedah dalam bentuk pindahan teknologi, teknik pengurusan moden, menembusi pasaran baru, mewujudkan peluang pekerjaan serta memperolehi pendapatan tukaran wang asing.

**PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERKHIDMAT DI SEMENANJUNG/SARAWAK**

15. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Pegawai-pegawai yang berasal dari

Semenanjung Malaysia dari semua kategori/gred perkhidmatan yang kini sedang berkhidmat di Sarawak. Sila berikan jumlahnya secara detail mengikut gred dan kategori; dan di semua Jabatan;

- (b) berapakah jumlah Pegawai-pegawai yang berasal dari Sarawak dari semua kategori/gred perkhidmatan yang kini berkhidmat di semua Jabatan dan Institusi-institusi Kerajaan di Semenanjung Malaysia;
- (c) sejauh manakah pelaksanaan program pertukaran dan kemasukan pegawai-pegawai seperti ini dapat diselaras dan dikemaskini demi mencapai matlamat integrasi nasional; dan
- (d) adakah Kerajaan berpuas hati setakat ini dengan peranan pegawai-pegawai tersebut dalam memainkan peranan mereka untuk membangunkan negara dan memupuk integrasi nasional.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):**

- (a) Jumlah Pegawai-pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia dari semua kategori/gred perkhidmatan yang kini sedang berkhidmat di Sarawak adalah seperti berikut:

Jenis Agensi	Kumpulan				Jumlah
	A	B	C	D	
Perkhidmatan Awam Persekutuan	479	269	876	247	1,871
Perkhidmatan Awam Negeri	5	4	1	12	22
Badan Berkanun Persekutuan	68	25	61	11	165
Badan Berkanun Negeri	5	5	21	8	39
Kuasa Tempatan	—	—	—	—	—
Jumlah ..	557	303	959	278	2,097

(b) Jumlah Pegawai-pegawai yang berasal dari Sarawak dari semua kategori/gred perkhidmatan yang kini berkhidmat di semua

Jabatan dan Institusi-institusi Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Jenis Agensi	Kumpulan				Jumlah
	A	B	C	D	
Perkhidmatan Awam Persekutuan	73	11	116	46	246
Perkhidmatan Awam Negeri	1	1	—	2	4
Badan Berkanun Persekutuan	69	24	45	79	217
Badan Berkanun Negeri	1	—	—	—	1
Kuasa Tempatan	—	—	—	3	3
Jumlah ..	144	36	161	130	471

(c) Program pertukaran dan pengambilan pegawai-pegawai yang bertujuan mencapai matlamat integrasi nasional, sebenarnya adalah lanjutan kepada program seumpamanya yang telah pun lama diasaskan sebelum ini. Untuk tujuan ini satu program khas pertukaran kakitangan yang melibatkan 5 orang pegawai Persekutuan Semenanjung dan 5 orang pegawai Negeri Sarawak telah dilaksanakan baru-baru ini. Ianya bertujuan untuk membentuk satu golongan pegawai yang lebih mengutamakan kepentingan negara serta tidak bersikap kenegerian atau kedaerahan.

Dalam urusan pengambilan kakitangan pula ianya adalah terbuka kepada semua calon yang berkelayakan untuk memohonnya. Pengisian jawatan-jawatan ini dibuat berasaskan merit, kelayakan serta kesesuaian calon-calon. Kerajaan sentiasa menggalakkan semua calon yang mempunyai kelayakan yang sesuai memohonnya. Selaras dengan ini

kesemua calon-calon yang dilantik akan dikehendaki berkhidmat di mana-mana saja Jabatan ataupun Agensi Kerajaan yang berkehendakkan tenaga mereka. Dengan cara ini matlamat integrasi nasional akan dapat dicapai.

(d) Setakat ini Kerajaan memang berpuashati dengan peranan pegawai-pegawai tersebut untuk membangunkan negara serta memupuk integrasi nasional. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh pegawai-pegawai ini.

#### WANG PALSU DARI BANK

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kesudahan penyiasatan yang dibuat oleh pihak polis ke atas \$11,000.00 wang palsu dijumpai dalam senarai gaji yang dihantar dari sebuah bank di Sabah baru-baru ini. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara terhadap bank tersebut. Dan

apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah pemalsuan wang seperti ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pihak Polis masih menjalankan penyiasatan berhubung dengan kes ini. Tindakan yang akan diambil terhadap bank yang terlibat adalah bergantung kepada hasil penyiasatan kes ini kelak. Dalam usaha mengatasi masalah pemalsuan wang ini, usaha-usaha telah diambil untuk memperketatkan lagi pemeriksaan bagi mengesan penyeludupan atau kemasukan wang palsu ke negara ini di samping langkah-langkah untuk mengemaskinikan sistem maklumat bagi memudahkan pengesanan terhadap percetakan wang palsu di negara ini.

**PITA RAKAMAN VIDEO  
TUNKU ABDUL RAHMAN/  
TENGKU RAZALEIGH/DATO  
MUSA HITAM**

**17. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menayangkan kepada umum pita-pita rakaman Video oleh Y.A.M. Tunku Abdul Rahman Putera di Pulau Pinang, Y.B.M. Tengku Razaleigh dan Y.B. Dato' Musa Hitam di Johor Bharu kerana dengan penayangan yang menyorok-nyorok dan tertutup menimbulkan kegelisahan, kekeliruan dan tertanya-tanya di kalangan rakyat.
- (b) kalau ada cadangan, bila.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jeffrey):** Kementerian tidak bercadang untuk menayangkan pita-pita rakaman yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat di

TV untuk tontonan umum kerana rakaman-rakaman yang dibuat bukanlah penerbitan professional untuk tayangan awam. Kerajaan senantiasia akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memberi keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat yang betul tentang keadaan dalam negara supaya rakyat jelata tidak terkeliru atau berasa gelisah dengan maklumat-maklumat yang disebarikan oleh mana-mana yang tidak mewakili Kerajaan.

**RANCANGAN RADIO/TV—  
JADUAL**

**18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah dasar Kementerian Penerangan mengenai pembahagian waktu dalam rancangan-rancangan RTM di antara agama, pendidikan hiburan dan lain-lain. Apakah asas utama bagi pembahagian waktu itu, dan adakah Kerajaan bercadang akan menyesuaikan rancangannya di bidang hiburan sesuai dengan Dasar Penerangan Nilai-nilai Islam.

**Tuan Railey bin Jeffrey:** Dalam soal pembahagian waktu dan penjadualan rancangan-rancangan Radio dan TV Kementerian sentiasa memastikan supaya rancangan-rancangan itu seimbang dan setimpal dengan keperluan memberi hiburan, pendidikan, Penerangan dan maklumat-maklumat penting kepada rakyat. Pembahagian waktu dan penjadualan rancangan telah dibuat mengikut keperluan Kerajaan dan kehendak orang ramai selepas kajian dibuat dari segi waktu, jenis dan bentuk rancangan yang digemari oleh rakyat.

Kementerian ini senantiasia berusaha supaya rancangan-rancangan RTM disesuaikan dengan keperluan dasar-dasar Kerajaan termasuk dasar

penerapan nilai-nilai Islam. Dalam mengimbangkan keperluan hiburan dengan ajaran agama Kementerian sentiasa mengambil kira bahawa masyarakat Malaysia terdiri dari berbilang kaum dan kesefahaman serta perpaduan amatlah penting untuk mengujudkan satu negara yang aman, makmur dan maju.

### **PENAGIHAN DAN PENGEDARAN DADAH—KESAN**

**19. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah berkurangnya usaha mengedar dan menagih najis dadah yang berkesan setelah persidangan antarabangsa mengenai "drugs abuse" yang diadakan di Vienna, dan sila beritahu negara-negara yang mengambil tindakan yang berkesan seperti Malaysia dan Singapura.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah yang berlangsung pada bulan Jun 1987 di Vienna, Austria dan disertai oleh 138 buah negara telah menghasilkan dua dokumen penting, masing-masing bertajuk:

- (i) Garispanduan Komprehensif dan Pelbagai Disiplin bagi tindakan masa hadapan untuk mengawal penagihan dadah (Comprehensive Multidisciplinary Outline (CMO) of future activities in drug abuse control); dan
- (ii) Deklarasi Politik.

Di persidangan tersebut semua negara telah menyuarakan komitmen mereka untuk berusaha mengambil tindakan yang tegas bagi memerangi masalah pengedaran dan penagihan dadah di negara masing-masing. Sejajar dengan semangat persidangan tersebut, kebanyakan negara-negara

ini sedang mengambil tindakan susulan bagi merancang dan melaksanakan rancangan tindakan pengawalan dan pencegahan dadah yang sesuai dengan keperluan masing-masing. Malahan di setengah-setengah negara, seperti Malaysia dan Singapura, perakuan-perakuan yang dirumuskan dalam Garispanduan itu telah banyak dilaksanakan sebelum persidangan tersebut diadakan, khususnya dalam bidang pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dan perundangan dan penguatkuasaan.

Hasil dari kegigihan kita dalam melaksanakan program-program tindakan anti dadah, dapat dilihat pengurangan bilangan belia-belia kita dalam penagihan dadah dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Bekalan dadah di dalam negara telah mula berkurangan seperti yang dapat dibuktikan dalam peningkatan harga di peringkat kakilima dan penurunan ketulinan dadah yang dijual kepada penagih-penagih. Di samping itu, sindiket-sindiket dadah antarabangsa didapati telah mula mengelak dari menggunakan Malaysia sebagai negara "transit" mereka.

### **HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN TAIWAN**

**20. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Malaysia bercadang hendak memulakan hubungan diplomatik dengan Republik Taiwan memandangkan Malaysia dan Taiwan mempunyai banyak hubungan dagang dan ramai pengusaha-pengusaha dari kedua buah negara saling kunjung-mengunjungi dalam usaha untuk meningkatkan urusan dagang masing-masing. Adakah Kerajaan sedar semakin ramai usahawan Taiwan menunjuk minat melabur di Malaysia dan dengan adanya hubungan diplomatik itu akan memudahkan lagi

rakyat kedua buah negara membuat urusan perjalanan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Malaysia tidak mengiktiraf Taiwan sebagai satu negara berdaulat tetapi sebagai wilayah bahagian Republik Rakyat China. Oleh itu soalan menubuhkan hubungan diplomatik dengan Taiwan tidaklah timbul.

Kerajaan memang sedar akan peningkatan hubungan perdagangan dengan Taiwan. Mengikut dasar "Satu China" (one China) yang dipatuhi oleh Malaysia kita dibenarkan untuk mengadakan hubungan rakyat-kepada-rakyat dan hubungan perdagangan. Seperkara dengan ini urusan perjalanan dan perdagangan di antara Malaysia dan Taiwan tidak mempunyai apa-apa sekat. Untuk makluman, nilai pelaburan Taiwan di Malaysia dari tahun 1980 hingga Julai, 1988 adalah berjumlah \$319.3 juta.

### SISWAZAH YANG MENGANGGUR

**21. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa banyak kalangan siswazah yang menganggur telah dilatih dengan biasiswa Kerajaan dalam bidang teknikal yang tinggi terutamanya bidang letronik, aerodynamic dan aktuari. Bidang-bidang ini susah diperolehi dan tidak ramai di rantau ini mendapat kelulusan begitu, apakah Kerajaan kaji hal ini untuk mendapatkan manfaat dari kepakaran mereka itu.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Kerajaan sememangnya sedar akan masalah pengangguran yang dialami di kalangan siswazah pada masa ini

terutamanya di kalangan siswazah-siswazah pemegang biasiswa Kerajaan yang mempunyai kelayakan di dalam bidang-bidang yang khusus di peringkat profesional dan teknikal. Tujuan utama Kerajaan melatih siswazah-siswazah di dalam bidang teknikal dan profesional termasuk bidang-bidang yang disebutkan itu adalah untuk memenuhi keperluan di dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi disebabkan oleh keadaan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara maka mereka ini tidak semuanya dapat untuk diserapkan berkhidmat dengan Kerajaan. Oleh itu sebahagian daripada mereka ini telah dibenarkan untuk berkhidmat dengan Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerajaan dan juga Swasta. Kerajaan sebenarnya tidaklah mengalami kerugian dengan membenarkan siswazah-siswazah bidang berkenaan berkhidmat dengan sektor Badan Berkanun dan sektor Swasta. Ini kerana kemahiran-kemahiran siswazah tersebut dapat memanfaatkan sektor-sektor berkenaan yang mana dalam jangka masa panjang ianya juga turut menyumbang ke arah pembangunan negara khususnya di dalam sektor perindustrian.

### MAS—PEMBELIAN SAHAM OLEH BANK NEGARA

**22. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya Bank Negara membeli sebahagian besar dari saham Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Oleh kerana pertanyaan ini telah pun dijawab pada 14hb Oktober 1988, iaitu kepada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

**LAWATAN TIMBALAN  
PERDANA MENTERI  
KE VIETNAM**

**23. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan positif ke atas lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini dan apakah tindakan susulan yang akan diambil.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke Vietnam baru-baru ini telah memberi kesan yang positif oleh kerana beberapa persetujuan telah dicapai bagi mengatasi masalah pendatang haram Vietnam. Berikutan dengan perbincangan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin tertinggi negara tersebut, Vietnam bersetuju untuk mengetatkan kawalan mencegah rakyatnya keluar secara haram, sebaliknya memastikan mereka hanya keluar melalui rancangan ODP (Orderly Departure Programme). Vietnam juga bersetuju mengambil semua orang-orang pelarian Vietnam di Pulau Bidong yang ingin pulang ke Vietnam. Selain dari itu Vietnam juga menyatakan kesediaannya menyertai Persidangan Antarabangsa mengenai orang-orang pelarian Indochina di Geneva dan Persidangan Persiapan mengenainya yang akan diadakan di Kuala Lumpur awal tahun depan.

Sukalah saya menegaskan bahawa inilah kali pertama Vietnam menyatakan persetujuan untuk bekerjasama bagi mengatasi masalah ini. Berikutan dengan itu, persediaan sedang diatur untuk menerima rombongan pegawai-pegawai Vietnam di Kuala Lumpur untuk perbincangan selanjutnya bagi melaksanakan persetujuan tersebut.

Sekiranya masih ada lagi orang-orang pelarian Vietnam yang datang ke Malaysia selepas penutupan Pulau

Bidong mereka akan dianggap pendatang haram dan, mengikut Undang-undang Imigresen, mereka akan dihantar pulang ke Vietnam.

**PENGANGKUTAN PERLAUTAN  
SWASTA KE INDONESIA**

**24. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar suatu sistem kenderaan perlautan swasta yang menggunakan bot-bot kurang baik untuk "Mentransport" warganegara Indonesia dari negara kita ke negara tersebut. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghalang sistem kenderaan transport itu. Sebab-sebab apakah suatu sistem yang lebih kesan dan kawal tidak boleh diwujudkan oleh pihak Kerajaan untuk menjaga nasib jiwa rakyat Malaysia dan Indonesia dari sistem yang buruk seperti yang telah mengambil jiwa 17 orang manusia di Tanjung Dahan pada 9 September 1988.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Kementerian Pengangkutan berpendapat sistem pengangkutan yang sedia ada mencukupi bagi mengangkut penumpang-penumpang dari dan ke Indonesia sama ada penumpang-penumpang tersebut warganegara Indonesia atau Malaysia. Sistem pengangkutan itu merupakan bukan sahaja pengangkutan melalui perkapalan tetapi juga pengangkutan udara. Adalah didapati bahawa kebanyakan kemalangan yang telah berlaku setakat ini melibatkan bot-bot yang kecil yang tidak dilesenkan untuk mengangkut penumpang-penumpang. Bot-bot tersebut menjalankan satu perniagaan yang tidak sah dan tidak mematuhi keperluan undang-undang dari segi keselamatan bot dan penumpang. Kemalangan yang berlaku di Tanjung Dahan pada 9

September 1988 melibatkan sebuah bot yang tidak berlesen dan yang tidak mengikut peraturan-peraturan undang-undang. Bot tersebut telah pun mengambil bilangan penumpang yang terlalu banyak dan telah beroperasi pada waktu malam yang tidak dibenarkan.

Kementerian Pengangkutan sentiasa bekerjasama dengan pihak agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis untuk menghentikan pelayaran bot-bot haram ini. Saya juga ingin merayu kepada warganegara Malaysia dan Indonesia supaya tidak menaiki bot-bot seperti ini oleh kerana bot-bot tersebut tidak selamat dan menjalankan satu perniagaan yang salah dari segi undang-undang. Kementerian Pengangkutan juga bersedia mendaftarkan kapal-kapal penumpang dari mana-mana pihak sekiranya ada permintaan untuk menjalankan perniagaan pengangkutan penumpang dari Malaysia ke Indonesia secara teratur dari segi undang-undang.

#### **JET PEJUANG SKYHAWK TUDM YANG HILANG**

**25. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah sebab utama yang mengakibatkan sebuah jet pejuang Skyhawk yang telah hilang semasa penerbangan dari Semenanjung ke Sabah, apakah keputusan akhir ke atas usaha mencari juruterbang itu; dan
- (b) adakah pampasan dibayar kepada keluarga mereka yang terkorban nyawa semasa menjalankan latihan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**

- (a) Buat masa ini Kementerian Pertahanan masih lagi belum

dapat memastikan kedudukan pesawat pejuang Skyhawk kepunyaan TUDM yang hilang semasa penerbangan pada 24 Jun 1988. Lembaga Penyiasatan telah diadakan dan laporannya kini di peringkat akhir. Segala usaha mencari telah dilakukan dengan melibatkan kapalterbang dari TUDM, Royal Australian Airforce (RAAF) dan Singapore Airforce (SAF). Kapal-kapal TUDM dan Kapal Dagang juga terlibat dalam gerakan mencari tetapi masih belum mendapat apa-apa bukti tentang adanya kemalangan terhadap pesawat tersebut.

- (b) Ia, pampasan dibayar kepada mana-mana keluarga anggota tentera yang terkorban nyawa semasa menjalankan tugas termasuk latihan.

#### **LOMBONG YANG BEROPERASI DAN KEMALANGAN TANAH RUNTUH**

**26. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah lombong yang menjalankan kegiatan di seluruh negara sekarang ini. Sejak tahun 1981 hingga Julai, berapa ramai pekerja yang telah terkorban akibat kejadian tanah runtuh. Apakah langkah serta tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada pengusaha-pengusaha lombong yang terlibat dengan tanah runtuh itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali):** Sehingga akhir Ogos 1988, jumlah lombong yang beroperasi di seluruh negara ialah sebanyak 292 unit, di mana 225 unit darinya adalah merupakan lombong bijih timah. Sejak tahun 1981 sehingga ke bulan Julai 1988 sebanyak 69 kes

kemalangan lombong berlaku akibat daripada kejadian tanah runtuh yang mengorbankan sejumlah 73 orang pekerja. Tindakan yang diambil ke atas para pengusaha lombong adalah mengikut tatacara perundangan seperti berikut:

- (i) Operasi lombong di mana kejadian tanah runtuh berlaku dihentikan dengan serta-merta.
- (ii) Penyiasatan ke atas kejadian tanah runtuh tersebut dijalankan untuk menentukan punca kejadian serta aspek keselamatan pekerja.
- (iii) Jika hasil penyiasatan tersebut menunjukkan bahawa terdapat kecuaiian dari pihak tuan punya lombong, laporan penyiasatan akan dikemukakan kepada pihak berkuasa Negeri yang berkenaan dan terpulanglah kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk mengambil tindakan undang-undang.
- (iv) Lombong hanya dibenarkan beroperasi semula setelah apa-apa kerja untuk membaiki keadaan keselamatan para pekerja telah siap dijalankan.

Penyiasatan yang dijalankan ke atas kesemua 69 kes menunjukkan bahawa kejadian tanah runtuh berlaku di luar kawalan dan dengan itu tiada pengusaha yang telah didakwa setakat ini.

#### **NELSON MANDELA— PEMBEBASAN**

**27. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan bukannya seruan Perdana Menteri kepada regim Apartheid Afrika Selatan supaya membebaskan Nelson Mandela baru-baru ini telah

menjadikan satu "mockery" terhadap keadilan dan hak asasi manusia apabila beliau sendiri telah menahan tanpa bicara Ketua Pembangkang Parlimen Y.B. Encik Lim Kit Siang dan 4 Ahli-ahli Parlimen DAP di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan sama ada Perdana Menteri sedar bahawa akibat seruan beliau bagi membebaskan Nelson dan pada masa yang sama menahan tanpa bicara Ketua Pembangkang Parlimen Encik Lim Kit Siang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah menjadikan beliau dan Kerajaan Malaysia satu objek persendaan oleh masyarakat antarabangsa dan tempatan.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum penahanan terus Encik Nelson Mandela oleh Rejim Afrika Selatan adalah untuk memenuhi dasar "apartheid"nya yang dikutuk oleh seluruh dunia. Dibalikinya, penahanan yang dilakukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah kerana kegiatan-kegiatan yang mencabar kedudukan keselamatan dan kestabilan dalam negeri. Dalam menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Kerajaan tidak mengira bangsa, agama, parti maupun kerjaya seseorang itu. Apa yang dititik beratkan ialah kegiatan seseorang yang boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara.

Dengan ini suka dinyatakan bahawa tindakan yang diambil bagi menjamin keselamatan dan kestabilan negara seperti tindakan menahan mereka yang tertentu di bawah Akta yang disebutkan tadi adalah hak negara ini dan orang asing tidak mempunyai hak untuk menentukan tindakan-tindakan kita.

Kita tidak menafikan adanya kritikan masyarakat antarabangsa yang berpandangan salah faham terhadap perkembangan di negara ini.

Tidak kurang juga adanya salah faham yang sengaja disebarkan oleh orang-orang tertentu untuk kepentingan masing-masing. Dalam konteks ini Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri telah pun mengambil langkah-langkah untuk menjelaskan keadaan dan kedudukan sebenar dan meletakkan mereka dalam perspektif yang betul.

Adalah diharap Ahli Yang Berhormat jangan mengelirukan Dewan ini dengan soalan yang memperkecilkan perjuangan Nelson Mandela itu, dan sekaligus cuba memberi "respectability" kepada kegiatan-kegiatan orang-orang tertentu yang menggugat keselamatan negara ini.

#### PEMBELIAN PESAWAT PEJUANG YANG BARU

**28. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan sedang mempertimbangkan kemungkinan TUDM membeli pesawat-pesawat pejuang generasi baru yang lebih moden untuk menggantikan pesawat-pesawat F 5E dan A4 Skyhawk. Apakah kriteria-kriteria utama di dalam pertimbangan membeli pesawat-pesawat baru seperti F-16, Panavia Tornado (F3) dan sebagainya.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Memang benar Kerajaan sedang menimbangkan pembelian-pembelian pesawat-pesawat pejuang generasi baru yang lebih moden dari yang sedia ada bagi melengkapkan Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan sistem pertahanan udara yang kuat serta sofistikated.

Kriteria utama dalam pertimbangan pembelian peralatan pertahanan, termasuk pesawat pejuang baru, adalah berdasarkan kepada

kesesuaiannya untuk memenuhi konsep pertahanan udara masa kini. Walau bagaimanapun di samping kriteria yang saya nyatakan itu, kemampuan kewangan negara juga perlu diambil kira.

#### PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG DIPECAT

**29. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan termasuk anggota-anggota Polis dan Tentera yang dipecat dalam tahun 1984, 1985, 1986, 1987 dan 1988 dan bolehkah Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah yang dipecat kerana perbuatan rasuah;
- (b) jumlah yang dipecat kerana kesalahan dadah;
- (c) jumlah yang dipecat kerana melakukan kesalahan-kesalahan jenayah selain daripada kesalahan rasuah dan dadah;
- (d) jumlah yang dipecat kerana engkar arahan (insubordination) dan tidak bertatertib; dan
- (e) dalam kes pegawai Polis, jumlah yang dipecat kerana menggunakan kekerasan fizikal ke atas orang-orang yang kena tuduh semasa soalsiasat.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Jumlah pegawai Perkhidmatan Awam yang dipecat mengikut kesalahan bagi tahun 1984 sehingga 1987 adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	1984	1985	1986	1987
Rasuah .. .. .	2	3	5	3
Dadah .. .. .	23	24	36	30
Jenayah .. .. .	21	21	24	19
KesalahanTatertib Yang Lain	212	271	409	185
Jumlah ..	258	319	473	237

Manakala bagi perkhidmatan Polis yang telah dipecat mengikut kesalahan dalam tahun 1984 sehingga September 1988 adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	1984	1985	1986	1987	1988 (Sept.)
Rasuah ..	10	27	17	15	10
Dadah ..	34	39	23	14	6
Jenayah ..	91	79	29	43	28
Tatatertib Engkar Perintah	1	2	3	5	14
Tatatertib Lain	118	88	109	98	57
Kekerasan Pegawai Polis	—	—	—	—	—
Jumlah ..	254	235	181	175	115

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi perkhidmatan anggota tentera pula yang telah dipecat mengikut kesalahan dalam tahun 1984 sehingga Oktober 1988 adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	1984	1985	1986	1987	1988 (Okt.)
Rasuah ..	—	—	—	1	—
Dadah ..	327	355	267	77	184
Jenayah ..	11	12	13	2	2
Tatatertib ..	73	8	14	3	218
Jumlah ..	411	375	294	83	404

Kerajaan memang sentiasa memandang serius terhadap disiplin semua perkhidmatan Kerajaan sama ada Perkhidmatan Awam, Anggota-anggota Polis atau Tentera. Ketiga-tiga perkhidmatan tersebut mempunyai jumlah yang besar dan tidak boleh dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil dari anggotanya yang kurang berdisiplin dan terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang dijelaskan itu.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang tegas dan positif terhadap semua anggota-anggota Perkhidmatan Kerajaan yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut.

## KETUA HAKIM NEGARA— LANTIKAN

**30. Tuan Hu Sepang** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Ketua Hakim yang baru akan dilantik dan siapakah beliau itu dan sila nyatakan mengapa beliau dipilih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Sehingga ini Ketua Hakim Negara yang baru belum lagi dilantik. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut dipangku oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya bagi satu tempoh sehingga jawatan tersebut diisi kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat, perlantikan ke jawatan Ketua Hakim Negara adalah dibuat selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987) (No. 2) 1988

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Oktober, 1988)

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung semula ucapan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987 dan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa Perbelanjaan Tambahan ini adalah bagi perkhidmatan tahun 1987 untuk memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran iaitu Penyata Anggaran Tambahan yang dibenteng sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1988 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A, Tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya pula mengemukakan cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1988. Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 adalah berjumlah \$319,862,900 bagi jumlah tersebut dan dari jumlah tersebut sebanyak \$312,862,900 adalah dibelanjakan secara langsung dan sebanyak \$7 juta adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan-tambahan peruntukan bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak \$209.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.56—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dari jumlah tersebut sebanyak \$60 juta adalah sebagai bantuan kepada Kerajaan-kerajaan negeri untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung daripada bertaraf laterite, dengan izin, kepada jalan tar. Sebanyak \$50 juta untuk membiayai projek-projek bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung, sebanyak \$50 juta untuk membiayai projek-projek bekalan air di luar bandar bagi negeri-negeri Semenanjung dan sebanyak \$49.9 juta bagi

membiayai program pembinaan jalan-jalan di kawasan luar bandar.

- (ii) Sebanyak \$107 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54—Kementerian Kerjaya. Dari jumlah ini sebanyak \$100 juta adalah dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menjelaskan bil-bil daripada kontraktor, bayaran juru perunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual dan sebanyak \$7 juta sebagai pinjaman tambahan kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk membiayai pembinaan peringkat akhir kompleks Islam Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
- (iii) Sebanyak \$2.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.44 Kementerian Penerangan. Dari jumlah ini sebanyak \$1.9 juta untuk membiayai pemasangan dua rangkaian tambahan di Stesen FM Gunung Ulu Kali di Pahang Darulmakmur, Gunung Ledang di Johor Darul Takzim dan Gunung Pulai di Perak Darul Ridzuan; dan juga pembinaan Stesen-stesen FM yang baru di Gunung Pulau di Johor Darul Takzim, Bukit Pelindung dan Bukit Istana di Pahang Darulmakmur dan Bukit Telapa Buruk di Negeri Sembilan Darul Khusus. Sebanyak \$300,000 untuk membiayai pemasangan dua alat "standby", dengan izin, bagi Stesen Gunung Jerai di Kedah Darul Aman dan Stesen Jerantut di Pahang Darulmakmur.
- (iv) Sebanyak \$741,770 adalah dikehendaki di bawah Maksud

P.53 Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk membiayai sebahagian daripada kos perbelanjaan kerja-kerja penyediaan tapak dan menjelaskan bayaran baki 10% harga tanah bagi pembinaan Projek Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang-orang Cacat yang terletak di Bangi, Selangor Darul Ehsan. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan juga dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32A Tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1988

**Tuan Mohd. Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut,

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No.2) 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk dibahas.

Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk membahas perkara ini, kita menguntukkan satu hari iaitu hari ini sahaja untuk perbincangan atas dasar. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berucap begitu panjang oleh kerana kita hendak memberi peluang kepada lebih ramai Ahli-ahli berucap.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.45 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987, Akta Perbekalan Tambahan 1986 dan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, bila dibawa ke Parlimen untuk mendapatkan kelulusan Dewan untuk pembayaran tambahan bagi perkhidmatan awam Persekutuan melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan, maka adalah perlu bagi kita semua memperingatkan Kerajaan tentang betapa perlunya komitmen yang penuh terhadap akauntabiliti awam, kecermatan serta kewibawaan bagi membuktikan mandat yang diberi oleh rakyat untuk memerintah dan mentadbir kewangan negara tidak akan disalahgunakan. Apa yang lebih penting bahawa sebelum dibawa ke Parlimen untuk mendapatkan kelulusan bagi peruntukan Perbekalan Tambahan atau Rang Undang-undang Perbekalan, Kerajaan hendaklah mengotakan janji-janjinya yang dibuat dalam kempen pilihanraya yang lalu.

Menyentuh tentang kecermatan kewangan, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada cadangan Kerajaan membina satu lebuh raya yang berharga \$600 juta bagi menyambungkan bukit penginapan di Genting Highlands ke Bukit Fraser dan Cameron Highlands dalam awal tahun 1990an. Mengikut Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan projek ini bertujuan meningkatkan pelancongan dan memperluaskan lagi industri pembinaan. Kami merasa hairan berapa orangkah pelancong baik di dalam negeri mahupun dari luar negeri akan berkunjung dari satu bukit penginapan ke satu bukit penginapan yang lain dalam masa cuti mereka, apatah lagi kedudukan bukit-bukit itu berhampiran antara satu sama lain.

Pada fikiran saya membina sebuah lebuh raya bagi membantu industri pembinaan adalah tidak logik dari segi ekonomi dan tidak wajar. Lagi pun kita tidak boleh tidak mengindahkan perbelanjaan penyenggaraan yang tinggi bagi mengendalikan lebuh raya yang berkenaan. Walaupun pendapatan dari barangan komoditi kita akan melambung naik pada masa akan datang, ekonomi negara mula pulih dan menuju ke tahap kemajuan, akan tetapi patutkah kita memboroskan kemakmuran kita untuk satu projek yang mungkin tidak berupaya menanggung diri sendiri? Cadangan projek lebuh raya yang berharga \$600 juta adalah satu keutamaan yang kurang waras dan merupakan penggunaan wang awam dan sumber negara yang kurang cermat.

Dengan itu kami menggesa Kerajaan supaya memberhentikan sikap membazirkan wang rakyat atas projek lebuh raya ini atas sebab-sebab yang saya telah berikan tadi. Kita patut menggunakan wang itu untuk keperluan dan kemudahan yang lain yang mana difikirkan sangat perlu. Sebagai contoh, kita patut menggunakan wang bagi membina lebih banyak sekolah dan rumah dan mengadakan lebih banyak bilik-bilik darjah untuk pelajaran. Wang itu juga patut digunakan bagi memperbaiki kemudahan perubatan dan kesihatan di hospital-hospital di negara kita. Wang sebanyak \$600 juta boleh

digunakan bagi mengadakan lebih banyak kemudahan dan kelengkapan bagi membantu rakyat yang miskin baik di bandar mahupun di luar bandar. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita boleh bertolak ke Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencadangkan penubuhan sebuah agensi antarabangsa bagi mengatasi kemiskinan di peringkat antarabangsa yang mana merupakan satu cadangan yang baik . . . . .

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . . . .

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, macam manakah Ahli Yang Berhormat berpendapat projek Lebuhraya dari Cemeron Highlands ke Genting Highlands menjadi satu projek yang membazirkan wang rakyat? Butir-butir itu belum dikeluarkan oleh Kerajaan? Kita telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini lebih kurang 6 bulan yang lalu, tetapi kita belum beri apa-apa butiran berkenaan dengan projek itu. Macam manakah Ahli Yang Berhormat berpendapat kita akan membazirkan wang rakyat jelata dalam ucapan ini?

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apa yang saya menyentuh dalam ucapan saya tadi, ialah saya memberi komen ataupun memberi ulasan ke atas satu rancangan yang pernah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa pihak Kerajaan bercadang untuk membina lebuhraya yang berkenaan, yang menelan belanja \$600 juta. Oleh hal yang demikian, maka dalam perbahasan atas Rang Undang-undang

ini di peringkat dasar, saya berpendapat bahawa adalah sesuai untuk saya menyentuh cadangan pihak Kerajaan itu. Sungguhpun saya sedar bahawa duit ini belum diperuntukkan dan belum dibelanja, tetapi di sini saya hendak mempersoalkan masalah berkenaan dengan keutamaan sama ada pada masa sekarang ini adalah perlu dan sama ada projek ini patut diutamakan apabila negara pada masa kini menghadapi satu masalah ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita boleh bertolak ke Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencadangkan penubuhan sebuah agensi antarabangsa bagi mengatasi kemiskinan di peringkat antarabangsa, yang mana merupakan satu cadangan yang baik, tetapi saya percaya adalah lebih wajar bagi Kerajaan membasmi kemiskinan di muka bumi kita sendiri kerana kita mestilah sedar akan pepatah bahawa "Charity begins at home", dengan izin. Dengan ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya menghentikan projek Lebuhraya ke bukit-bukit penginapan yang berharga sebanyak \$600 juta itu dan menggunakan wang tersebut untuk projek-projek sosio ekonomi yang lain, yang mana dapat memberi faedah kepada rakyat secara langsung, terutama sekali rakyat miskin bagi mengatasi kemiskinan.

Satu lagi aspek yang mendapat perhatian yang serius rakyat Malaysia ialah Memorandum Persefahaman yang ditandatangani baru-baru ini di antara Malaysia dengan Britain semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke London berhubung dengan cadangan pembelian peralatan pertahanan berharga \$4.6 bilion. Di samping perkara-perkara yang lain Memorandum Persefahaman melibatkan pembelian kapal terbang "Tornado", peralatan perhubungan, alat radar pertahanan udara, senjata

“howitzer size 105 mm & 155 mm”, kapal selam “Oberon” yang telah dibaikpulih dan peluru berpandu dari bumi ke udara. Walaupun kami tidak bermaksud untuk menentang pembelian alat-alat pertahanan untuk kegunaan pertahanan negara kita, akan tetapi kami perlu memberi ingatan kepada Kerajaan tentang kebijaksanaan mengadakan perbelanjaan yang begitu besar sebanyak \$4.6 billion bagi maksud itu melainkan Malaysia bercadang untuk menjadi sebuah kuasa ketenteraan dalam rantau ini. Sesungguhnya Kerajaan telah gagal untuk memikirkan secara rasional mengenai keperluan bagi Kerajaan untuk memperuntukkan begitu banyak wang untuk membeli alat pertahanan.

Malaysia ialah sebuah negara kecil dan ia patut menumpukan perhatian kepada pembangunan sosio-ekonomi dan bukan persenjataan dengan pembelian peralatan pertahanan yang mahal. Sebagai contoh saya tidak nampak mengapa kita perlu membeli sebuah kapal selam “Oberon” yang dibaikpulih.

Saya tidak mencadangkan bahawa kita tidak perlu mengambil perhatian tentang kemampuan pertahanan di negara kita, akan tetapi apa yang saya ingin bertanya ialah mengapa kita perlu membelanjakan wang dengan begitu besar untuk maksud ini. Jika Kerajaan benar-benar mengambil perhatian mengenai pertahanan negara, objektif ini sebaiknya dilaksanakan dengan memperkenalkan kerahan tenaga “national service”, dengan izin, yang membolehkan setiap orang yang berkeupayaan dilatih dalam mempertahankan negara kita sekiranya terdapat satu serangan luar.

Berdasarkan tinjauan daripada pungutan pandangan yang dikendalikan oleh sebuah akhbar Melayu “Berita Harian” yang

menyatakan bahawa majoriti besar belia-belia Malaysia bersetuju dengan kerahan tenaga.

Kami berpendapat bahawa Kerajaan patut menimbang semula keputusan awalnya untuk tidak memperkenalkan kerahan tenaga. Kerajaan patut memberi pandangan serius dan mendalam kepada cadangan ini dan bukan sekadar menolaknya sebagai tidak perlu.

Bercakap mengenai pembelian peralatan pertahanan, saya ingin menyentuh perkara pemilihan. Kerajaan harus berhati-hati dalam pemilihan alat pertahanan kerana ia melibatkan jutaan ringgit wang pembayar cukai.

Kemalangan ke atas kapalterbang Skyhawk A4 kepunyaan Tentera Udara Diraja Malaysia, setakat ini 5 buah Skyhawk A4 telah ditimpa kemalangan sejak Malaysia membeli 38 buah jet pejuang buatan Amerika Syarikat itu. Ini telah menunjukkan betapa pentingnya soal pemilihan dalam pembelian jet-jet pejuang. Apabila buat pertama kali kita membeli Skyhawk pada 4 tahun yang lalu, kami telah memberi amaran kepada Kerajaan mengenai ketahanan udara ataupun “air worthiness”, dengan izin, kapalterbang-kapalterbang Skyhawk yang telah digunakan semasa perang Korea dahulu. Kapalterbang itu telah tersadai di padang pasir Arizona yang luas, terdedah kepada cuaca panas dan ribut pasir, kemudian kita datang dan melahirkan hasrat untuk membelinya.

Sekarang saya hendak bercakap mengenai pembelian “Tornado” buatan Britain. Baru-baru ini Setiausaha Rendah Pertahanan British “Timothy Sainsbury” dan lain-lain pegawai atasan tentera British melawat Malaysia untuk mengadakan satu pertunjukan udara jet-jet pejuang British bagi perhatian pegawai-pegawai atasan Kementerian

Pertahanan. Satu peristiwa yang menarik ialah pada hari "Tornado" British itu mengadakan pertunjukan, jet Skyhawk A4 yang kelima telah terhempas berhampiran Labuan. Apakah ini secara kebetulan? Pihak kami amat bimbang dengan cadangan Kerajaan untuk membeli "Tornado" dan kami menggesa Menteri Pertahanan supaya mengumumkan niat Kerajaan mengenai pembelian itu demi kepentingan orang ramai. Orang ramai sebagai pembayar cukai berhak untuk mengetahui dengan penuh butir-butir tentang pembelian itu, ketahanan udara jet-jet pejuang ini dan lain-lain maklumat penting termasuk kosnya.

Pihak kami sebenarnya mahu melihat pengkalan penuh keyakinan negara dan antarabangsa dalam negara ini. Kami ingin melihat pemulihan ekonomi sepenuhnya. Kami amat menyedari tidak ada jalan terbaik untuk mencapai ini daripada mengekalkan sepenuhnya demokrasi berparlimen dengan menghormati kedaulatan undang-undang dengan memberi makna kepada Rukunegara dengan melindungi hak-hak Ahli-ahli Parlimen.

Langkah memperkukuhkan dan memperbaiki keyakinan bagi pemulihan ekonomi negara hanya boleh dicapai dengan berkesan, dengan tidak menindas hak-hak rakyat dan dengan tidak menahan secara berterusan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, tetapi dengan kembali kepada tempoh liberalisma dan toleransi. Kami menyeru Kerajaan supaya membebaskan kelima-lima Ahli Parlimen DAP yang ditahan termasuk Ketua Pembangkang dan rakyat Malaysia yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana ini akan menjadi penggerak utama bagi pemulihan ekonomi negara kita. Negara kita bertuah pada akhir-akhir ini kerana pertambahan permintaan komoditi utama kita dan

harga barangan lumayan yang diperolehi, akan tetapi ekonomi kita akan menjadi lebih baik jika masalah politik kita diselesaikan dan keyakinan dipulihkan.

Memandangkan hakikat bahawa ekonomi kita telah bertambah kami rasa masanya telah tiba bagi satu semakan gaji atau pelarasan gaji dibuat untuk semua kakitangan awam. Tuntutan-tuntutan kakitangan awam haruslah diberikan perhatian utama dan di mana suatu tuntutan ini didapati munasabah maka Kerajaan patut membayarnya menurut kemampuan.

Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan bahawa elaun perumahan bagi semua pegawai Polis berpangkat Inspector ke bawah yang berkhidmat dalam Bandaraya patutlah dinaikkan, elaun perumahan masa kini bagi pegawai-pegawai Polis terutama mereka yang berpangkat rendah yang berkhidmat dalam Bandaraya seperti Kuala Lumpur adalah tidak mencukupi dan perlu ditambah.

Saya tidak bercadang untuk membincangkan secara terperinci dalam ucapan saya akan tetapi saya akan berbuat demikian semasa perbincangan Belanjawan hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa melahirkan perasaan dukacita saya kerana keputusan Kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan rancangan-rancangan KWSP untuk membenarkan pencaerum-pencaerum mengeluarkan sebahagian simpanan mereka untuk pembiayaan pelajaran tinggi dan menunaikan fardhu haji. Sebab-sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini untuk menangguhkan pelaksanaan rancangan-rancangan KWSP kerana kemungkinan berlakunya pengeluaran palsu adalah tidak patut diterima sepenuhnya dan tidak menyakinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami bahawa pasukan petugas KWSP telah merekomen dua cadangan skim itu kepada Kementerian Kewangan pada beberapa bulan yang lalu untuk kelulusan akan tetapi Kementerian berkenaan telah menggunakan alasan-alasan kes-kes pengeluaran palsu baru-baru ini untuk membeli rumah bagi menangguhkan pelaksanaan cadangan-cadangan dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati kepada pencarum-pencarum KWSP. Bagaimanakah Kerajaan dan KWSP menggunakan kes pengeluaran palsu untuk perumahan dijadikan alasan bagi menangguhkan pelaksanaan dua skim itu selepas begitu luas publisiti diberikan kepada dua cadangan itu dan selepas berjaya membangkitkan pengharapan dan keghairahan pencarum-pencarum KWSP.

Saya yakin ini bukanlah di luar kemampuan pegawai-pegawai KWSP untuk merangka prosedur-prosedur bagi mencegah salah guna kedua-dua cadangan skim ini apabila dilaksanakan kelak, atau adakah keputusan menangguhkan pelaksanaan dua skim ini timbul dari penolakan Kementerian Kewangan sendiri terhadap cadangan itu kerana tidak berkehendakkan lebih banyak skim pengeluaran tetapi mempergunakan pengeluaran palsu untuk membeli rumah sebagai alasan untuk menangguhkan pelaksanaan dua skim itu.

Apa yang amat mendukacitakan ialah bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak berupaya menyatakan berapa lama skim-skim ini akan ditangguhkan. Kami tidak nampak kenapa langkah-langkah tidak boleh diambil untuk mengatasi apa juga penyalahgunaan dalam pelaksanaan kedua-dua skim itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin menyentuh

Kementerian Luar Negeri dan dalam hubungan ini tentang hasrat Malaysia untuk mendapatkan satu kerusi bukan tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Rakyat Malaysia tanpa ragu-ragu akan merasai bangga jika Malaysia berupaya mendapat satu kerusi bukan tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membolehkan kita memainkan peranan yang betul dalam badan dunia yang begitu penting.

Bagi DAP sebagai sebuah parti Pembangkang yang patriotik mahu Malaysia berjaya mendapat kedudukan dalam Majlis Keselamatan dan adalah menjadi kepercayaan dan keyakinan kami bahawa tidak ada jalan yang lebih baik untuk mencapai matlamat itu kecuali dengan menghormati kedaulatan undang-undang komitmen penuh terhadap demokrasi dan yang terpentingnya perlindungan dan galakan hak-hak asasi manusia.

Kami pasti bahawa seluruh dunia memerhati dengan penuh tumpuan peristiwa-peristiwa baru-baru ini di Malaysia berikutan penahanan secara besar-besaran dalam bulan Oktober tahun lalu yang diikuti dengan penahanan Ketua Pembangkang, Ahli-ahli Parlimen dari Pembangkang dan lain-lain rakyat Malaysia yang menentang Kerajaan.

Penangkapan dan penahanan seumpama itu sesungguhnya tidak akan membantu untuk menggambarkan imej yang betul dan sebenar bagi Malaysia terutamanya pada waktu Malaysia begitu aktif berkempen untuk memperolehi satu kerusi dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ini.

Parti DAP menyeru Kerajaan supaya mematuhi dan menghormati sepenuhnya hak-hak asasi manusia dengan membebaskan serta-merta

tanpa syarat semua tahanan ISA dan perbuatan ini tanpa ragu-ragu akan mempertingkatkan dan mencerahkan peluang Malaysia untuk menduduki kerusi dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

4.06 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang iaitu suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan kepada Maksud B.27 berkenaan dengan peruntukan Kementerian Luar Negeri sebanyak \$2,831,700. Wang yang dipohonkan ini adalah untuk aktiviti politik dan penerangan serta aktiviti ekonomi di bawah ASEAN.

Saya menyokong cadangan supaya wang sebanyak \$2,831,700 itu diluluskan. Saya juga menyokong aktiviti pihak Kementerian Luar Negeri khususnya dalam bidang politik dan penerangan malahan saya suka menyarankan supaya peruntukan di bawah aktiviti ini diperbesarkan lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana terdapat beberapa usaha untuk menggugat imej negara kita di seberang laut.

Ini termasuk usaha-usaha pihak yang sengaja menyebarkan dakyah-dakyah anti Malaysia semata-mata untuk kepentingan kumpulan tertentu. Kalau dahulunya terdapat kumpulan-kumpulan dan ekstrimis sahaja yang sentiasa membidas dasar-dasar negara ini maka pada masa ini ada pula

kumpulan yang kecewa dalam karier politik mereka di Malaysia dan juga mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan imej negara di hadapan kaca mata akhbar-akhbar asing. Kadangkala apa yang disebarkan mereka itu adalah keterlaluan seolah-olah terdapat keadaan kucar-kacir dan suasana yang lebih buruk daripada apa yang terjadi di Lubnan atau Burma.

Hal ini memberi gambaran serong terhadap suasana sebenar di negara ini. Ia juga menakut-nakutkan pihak pelabur-pelabur asing yang bercadang untuk melabur di Malaysia yang boleh mempertingkatkan taraf ekonomi negara ini. Kadangkala kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab dibuat oleh orang-orang yang kononnya mempunyai prinsip-prinsip yang tinggi. Umpamanya, kenyataan dari bekas Timbalan Perdana Menteri yang kini menjadi Ahli Bebas mewakili kawasan Kota Tinggi.

Beliau sebagai Ahli Parlimen tidak seharusnya bersikap begitu rendah dengan membuat kenyataan-kenyataan di Hong Kong pada 12hb Oktober, 1988 lalu. Kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia akan mengisytiharkan pilihanraya umum mengejut dan akan mengisytiharkan pemerintahan darurat sekiranya pihak beliau kalah.

Beliau mendakwa bahawa Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat kekacauan untuk memberi alasan mengisytiharkan pemerintahan darurat.

Saya sangat kesal di atas sikap beliau yang begitu tidak bertanggungjawab dan memburukkan imej negara ini. Adakah orang seperti ini dibenarkan memfitnah keadaan di negaranya sendiri, apakah tujuan beliau selain daripada hasrat politik peribadinya sendiri. Beliau seterusnya mendakwa

seolah-olah dia seorang sahaja yang sentiasa mempertahankan kebebasan akhbar, kebebasan hakim-hakim dan lain-lain sewaktu perbincangan dengan Dr Mahathir tetapi dengan nada yang sama beliau kononnya berdiam diri untuk menegakkan prinsip-prinsipnya kerana beliau percaya kepada keputusan bersama jemaah Kabinet.

Saya rasa pendirian sebegini sebenar menunjukkan pendirian yang tidak berpendirian. Memandangkan keadaan-keadaan di mana ada pihak-pihak tertentu yang berkempen untuk memburuk-burukkan negara mereka sendiri maka sangatlah penting bagi Kementerian Luar Negeri diberi peruntukan yang secukup-cukupnya untuk menangkis fitnah yang dilemparkan. Malah peruntukan khas harus dibuat bagi memudahkan tugas pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri untuk memberi gambaran sebenar di negara ini.

Adalah wajar peruntukan digunakan untuk perjumpaan-perjumpaan dengan media-media massa luar negeri dengan pegawai-pegawai diplomatik ataupun percetakan risalah-risalah yang boleh disebarkan kepada golongan sasar di luar negeri yang hendak dibuat oleh kedutaan-kedutaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Luar Negeri juga harus diarah untuk mempertingkatkan perhatian mereka terhadap rakyat negara ini di luar negeri. Kita sedar bahawa ada beberapa golongan yang merosakkan keharmonian rakyat Malaysia di seberang laut.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Laporan tentang adanya para pelajar Malaysia yang telah terlibat dalam amalan agama sesat di New Zealand pada awal bulan Oktober ini sangatlah membimbangkan. Ia lebih

membimbangkan jika kita mengambil kira bahawa laporan itu bukanlah satu perkara yang luar biasa. Sebenarnya keadaan atau kejadian yang serupa berlaku di beberapa negara di seberang laut di mana terdapat golongan pelajar-pelajar Malaysia yang mirip kepada ajaran-ajaran sesat. Yang menjadi masalah ialah bukan sahaja golongan-golongan yang mengamalkan ajaran-ajaran ini memberikan gambaran yang buruk terhadap negara, tetapi juga merosakkan golongan-golongan yang terlibat. Oleh kerana ada di antara mereka ini yang terdiri dari pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan, bermaknalah bahawa Kerajaan juga menanggung kerugian akibat aktiviti seperti ini. Oleh itu, pengawasan yang sewajarnya hendaklah dijalankan oleh pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di seberang laut. Saya rasa pihak Kedutaan Malaysia boleh mendapatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa negara-negara berkenaan dalam usaha menjaga imej dan kepentingan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggesa pihak Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan mereka di dalam usaha menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Walaupun pihak Kementerian Luar Negeri telah pun mula memberi tumpuan terhadap perkara ini sejak awal tahun 1988 dengan menyelaraskan segala kegiatan ekonomi, berbagai-bagai agensi Kerajaan yang mempunyai wakil-wakil di luar negeri, aktiviti-aktiviti hendaklah dipertingkatkan lagi. Umpamanya pihak Kedutaan kita harus mengambil peranan yang aktif untuk menganjurkan seminar-seminar perdagangan dari masa ke semasa di negara-negara yang berkenaan. Kalau perlu, Kedutaan kita harus memberi cadangan supaya seminar susulan juga dibuat di mana Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai tertinggi

dari Malaysia turut hadir untuk memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur. Walaupun seminar-seminar ekonomi memerlukan perbelanjaan yang agak besar tetapi manfaatnya adalah sebab menguntungkan negara ini. Dalam hal ini adalah wajar supaya pihak Kementerian diberi peruntukan yang lebih besar oleh pihak Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.14 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan, Ketua Pembangkang merangkap Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang serta 4 Ahli Parlimen lain iaitu Yang Berhormat Tuan Karpal Singh, Yang Berhormat Tuan P. Pato, Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee dan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng akan melancarkan mogok lapar mulai pada 27hb Oktober, yang akan datang untuk membantah penahanan mereka yang tidak adil dan 14 orang tahanan lain yang ditangkap pada bulan Oktober lalu dalam "Operasi Lalang" yang kini ditahan dalam Kem Tahanan Kamunting, mungkin juga menyertai mogok lapar itu. Tindakan mereka ini memang dapat perhatian dan sokongan penuh dari semua rakyat yang bersimpati dan mempunyai fikiran demokrasi dan keadilan. Sebenarnya mereka tidak patut ditangkap dan kebanyakan orang ramai sedar bahawa penangkapan itu semata-mata demi menunjukkan kuasa Team A dalam UMNO sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apa berkaitan ini dengan Anggaran Perbelanjaan?

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri, oleh kerana perkara ini kalau timbul, negara-negara asing akan tanya berkenaan dengan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila tumpukan pada. . . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik. Suasana tegang antara kaum dalam negeri adalah alasan diberi oleh Kerajaan pada masa itu. Walau bagaimanapun, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebahagian Menteri suasana dalam negeri sudah tenang sekarang. Jadi, alasan menahan mereka tidaklah lagi wujud. Oleh yang demikian, saya mendesak Kerajaan supaya membebaskan mereka semua yang ditangkap dan masih ditahan dalam Kem Tahanan Kamunting sejak Oktober tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan kepada saya pada 11hb Oktober ini, 11 kempen SEMARAK telah diadakan dalam beberapa buah negeri sehingga 30hb September, tahun ini.

**Tuan Ismail bin Said: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan Mesyuarat 30?

**Tuan Ismail bin Said:** Peraturan Mesyuarat 36 (1) seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak ada berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedang membincangkan masalah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987. Jadi, Yang Berhormat nampaknya jauh

menyeleweng dan menyimpang dari tujuan kita berbincang sekarang. Saya minta Tuan Yang di-Pertua keluaran ruling supaya beliau berhenti bercakap sekarang.

**Tuan Chian Heng Kai:** Yang Berhormat, saya faham juga tetapi itu lewat sedikit sahaja. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Pandang ke mari.

**Tuan Chian Heng Kai:** Oleh kerana saya sekarang ingin membahas Kementerian Penerangan, jadi dalam jadual. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Walaupun Yang Berhormat kita bincang polisi pada hari ini, ini polisi Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh Kementerian yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya rasa janganlah sebut terlalu jauh.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya, sekarang saya ingin. . . . .ini penerangan. Tuan Yang di-Pertua, pada apa yang. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Penerangan?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Liputan Radio VHF/FM?

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya mahu bincang dasar Kementerian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Penerangan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ini oleh kerana SEMARAK.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Apa berkaitan Yang Berhormat?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ini SEMARAK ada hancur. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** . . . . .ini Team A, Team B semua itu.

**Tuan Chian Heng Kai:** Itu sudah lepas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kementerian Penerangan?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya, Kementerian Penerangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh.

**Tuan Chian Heng Kai:** Kementerian Penerangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan sentuh perkara itu.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya tidak sentuh.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ini belum. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ini tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chian Heng Kai:** Duduklah!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Duduk! (Disampuk)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila Yang Berhormat dari Marang duduk sekejap. Biar saya buat ruling. Yang Berhormat, saya sudah kata jangan

sentuh perkara-perkara yang terlalu jauh daripada Kementerian Penerangan. . . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Hadkan ucapan pada dasar Kementerian Penerangan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ada lain Yang Berhormat hendak sentuh?

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya sekarang tidak bangkit soalan penahanan lagi. Saya sedang membangkitkan perkara SEMARAK.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tadi saya ada kata sehingga 30hb September tahun ini sudah ada 11 kempen SEMARAK diadakan di beberapa buah negeri. Antara jumlah perbelanjaan terlibat iaitu. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang naik atas apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order 36 (1)—duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, bila dia sebut point of order, Yang Berhormat patut duduk.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order 36 (1), seseorang ahli hendaklah menghadkan percapakannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa macam SEMARAK dan sebagainya yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk menggunakan Kumpulan Wang Disatukan—tak fahamkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** SEMARAK boleh di sentuh, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** SEMARAK tak ada kena mengena, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu ada berkaitan dengan Kementerian Penerangan, bukan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Betullah tetapi Rang Undang-undang ini apa ada berkaitan?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ini dasar, sekarang kita boleh bincang dasar. Atas dasar boleh, faham tak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dari Bukit Mertajam pandang sini, jangan bincangkan dengan dia.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Pandang sanalah. . . . .(Disampuk)

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, perkataan bodoh, minta tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, siapa kata bodoh?

**Tuan Hu Sepang:** Marang.

**Seorang Ahli:** Marang bodohlah!

**Tuan Liew Ah Kim:** Marang. Saya dengar terang-terang, suruh dia tarik balik.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tarik balik apa? Saya tak ada katapun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti dulu!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, saya ada kata tak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, semua duduk! Yang Berhormat dari Marang, adakah Yang Berhormat sebut perkataan bodoh?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak, saya tidak kata.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak! saya tidak dengar.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, antara jumlah perbelanjaan terlibat dalam SEMARAK iaitu \$1,847,026.46, \$165,447 adalah dibiayai oleh individu, swasta dan persatuan. Yang bakinya iaitu lebih kurang \$1,700,000 adalah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, mengikut jawapan itu. Belanja dari Kerajaan Pusat itu kebanyakan merupakan wang yang sedia diperuntukkan oleh Kerajaan bagi projek-projek kecil pembangunan di peringkat negeri dan kawasan dan projek-projek itu termasuklah mendirikan atau memperbaiki dewan masyarakat, jambatan, jalan-jalan kampung, membersihkan kawasan, memajukan industri-industri kecil dan meningkatkan kegiatan-kegiatan kebudayaan tempatan. Saya tidak faham kenapa kempen SEMARAK ini tiba-tiba diadakan selepas 30 tahun negara kita merdeka. Ini menunjukkan apa? Saya minta Menteri berkenaan menjawab soalan-soalan di bawah ini:

- (1) Adakah sesudah taat setia kepada negara selama 30 tahun rakyat kita mulai tidak bertaatsetia?
- (2) Adakah sejak 30 tahun merdeka, rakyat kita makin tidak taat setia kepada negara sehingga sampai tahap kritikal

tahun ini Kerajaan terpaksa mengadakan kempen SEMARAK?

- (3) Dalam kempen SEMARAK ini rakyat kita diminta taat setia kepada siapa—kepada negara dan Yang di-Pertuan Agong atau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan parti pemerintah?

Saya tidak bersetuju. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Matlamat SEMARAK ini adalah untuk menarik orang supaya patut taat setia kepada negara, pemimpin dan sebagainya. Jadi, orang-orang yang hendak ditarik dan disuruh memahami segala ucapan dan sebagainya ialah orang seperti Ahli Yang Berhormat ini iaitu Pembangkang—macam saya jugalah mungkin termasuk. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat, setakat ini semenjak beberapa kali SEMARAK diadakan, adakah perubahan dalam pandangan dan pendapat Ahli Yang Berhormat? Dahulu tak setia, sekarang setiakah dan sebagainya, macam mana?

**Tuan Chian Heng Kai:** Itu saya mahu tanya kepada Menteri Penerangan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa rakyat kita makin tidak bertaat setia kepada negara dan Yang di-Pertuan Agong kita, tetapi saya bersetuju bahawa rakyat semakin tak bertaatsetia kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan parti pemerintah, makin lama makin ramai Ahli Parlimen UMNO lama membangkang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kemaman bangun.

**Tuan Chiang Heng Kai:** Apa itu?

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Chiang Heng Kai:** Tidak boleh.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Chiang Heng Kai:** Tidak boleh.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua kalau tak boleh penjelasan. . . . .

**Tuan Chiang Heng Kai:** Nanti Ahli Yang Berhormat boleh. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order 36 (1).

**Tuan Chiang Heng Kai:** Itu bukan minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** 36 (1) Point of order.

**Tuan Chiang Heng Kai:** Itu bukan minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** 36 (1), duduklah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Bukit Mertajam, lain kali jangan bincang dengan dia, kalau ada apa-apa saya ada di sini.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dia kata penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** 36 (1)—kalau tak boleh penjelasan, point of order, awak takut. Point of order 36 (1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat Marang.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. 36 (1), hadkan ucapan itu kepada perkara yang dibincangkan sahaja. UMNO lama, UMNO (Baru), itu salah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia tak sebut itu, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Dia sebut tadi UMNO lama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chian Heng Kai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu hakikat iaitu makin banyak Ahli Parlimen UMNO lama membangkang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan undur diri daripada Barisan Nasional.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.....

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, "Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebut perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah ahli-ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap."

Saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan peraturan ini supaya

memerintahkan Ahli yang berkenaan berhenti bercakap sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Belum sampai tahap itu lagi. Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, teruskan tetapi hadkan ucapan kepada Kementerian Penerangan dan polisinya.

**Tuan Chian Heng Kai:** Akhirnya, saya ringkaskan, oleh kerana Ahli Parlimen UMNO lama membangkang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan undur diri dari Barisan Nasional dan baru-baru ini MCA juga menunjukkan ketidak-puasannya kepada Barisan Nasional.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.....

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order 36 (1), Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tak payahlah Yang Berhormat dari Marang. Dia sudah habis.

**Tuan Chian Heng Kai:** Sudah habis.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Sudah habis pun tak boleh, sentuh perkara itu, tak kira habis tak habis. Apa UMNO lama, UMNO (Baru)? Duduklah.

**Tuan Chian Heng Kai:** Yang Berhormat itu duduklah, jangan kacau.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Kacau apa, 36 (1) point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, duduklah.

**Tuan Chian Heng Kai:** Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam jangan sentuh, MCA-kah, UMNO-kah, apa-apa itu ataupun MIC. (*Ketawa*) Teruskan dan habiskan ucapan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memulihkan imej beliau Yang Berhormat Menteri Penerangan menggunakan wang peruntukan untuk projek-projek kecil dalam kempen SEMARAK adalah satu.....

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, point of orderkah atau minta penjelasan?

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jalan untuk minta penjelasan sedikit.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tidak boleh, saya akan habis.

**Tuan Zubir bin Embong:** Minta penjelasan pun tak boleh? Itu teks sendirikah ataupun teks siapa tulis?

**Tuan Chian Heng Kai:** Tak boleh!

**Tuan Zubir bin Embong:** Parrotkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Kuala Terengganu, sila duduk.

**Tuan Zubir bin Embong:** Burung kakak tua.

**Tuan Chian Heng Kai:** Duduk, duduk!

Ini adalah satu langkah yang tidak patut dan mengorbankan kepentingan

rakyat jelata. Cuba fikir, Tuan Yang di-Pertua, \$1.7 juta boleh mendirikan beberapa buah dewan orangramai, beberapa buah jambatan dan beberapa batang jalan demi kepentingan orang-orang kampung dan bukan untuk hidup Perdana Menteri dan UMNO (Baru). Saya kesal terhadap pihak yang berkenaan.....

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sudahlah, duduk.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah. Saya sudah beberapa kali kata jangan sentuh perkara itu. Kalau Yang Berhormat tidak mahu patuhi duduk.

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat faham?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya, saya akan sambung ...saya faham, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Faham, duduk!

**Tuan Chian Heng Kai:** Siapa duduk!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua suruh duduk-duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk. Sila teruskan, ini peluang yang last.

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Chian Heng Kai:** Tidak, saya tidak beri jalan. Nanti Yang Berhormat boleh bercakap apabila dapat peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Trengganu, dia tidak beri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum minta lagi penjelasan, saya hendak minta jalan baru. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak berikah?

**Tuan Chian Heng Kai:** Tidak beri, duduk!

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak beri, O.K. tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tertib Mesyuarat 35 (1) Tuan Yang di-Pertua:

“35 (1) A member desiring to speak shall rise in his place and if called upon shall stand and address..... Sekiranya Yang Berhormat atau sesiapa yang mahu mengganggu harus berdiri, kalau dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, baru berucap. Kalau tidak, sudah melanggar dengan Peraturan Mesyuarat 35 (1), maka kemudiannya Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan 44 (2) untuk mengeluarkan sesiapa daripada Dewan yang mulia ini (*Tepuk*). Saya sebut dua Ahli Yang Berhormat iaitu dari Marang dan dari Kuala Terengganu. Ini point of order, Tuan

Yang di-Pertua, saya minta satu ruling, satu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sedar Yang Berhormat, saya tahu semua ini. Tidak payahlah kena ajar hal ini. Yang Berhormat dari Bukit Mertajam terus habiskan perbahasan ini.

**Tuan Chian Heng Kai:** Baik, terima kasih. Saya berharap pihak yang berkenaan memberhentikan kempen SEMARAK dengan serta-merta oleh kerana tidak ada sebarang masalahnya atas perkara taat setia kepada negara dan. . . . .

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghaffar:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghaffar:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 44 (1) "Tuan Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa . . . . ."

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Batu Berendam, saya sedar, apa point. . . . .

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghaffar:** Soalnya sekarang ini Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam masih lagi bercakap tentang perkara yang tidak ada berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Dan Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat ruling untuk berhenti, tetapi tidak diikuti oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Batu Berendam, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah bersetuju, dia tidak hendak sentuh perkara itu

lagi. Sekarang dia berucap atas SEMARAK.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya, atas SEMARAK. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata meminta pihak berkenaan memberhentikan kempen SEMARAK serta-merta oleh kerana tidak ada sebarang masalah atas perkara taat setia kepada negara dan Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sedar bahawa *Laporan Parlimen* yang ditayangkan di RTM 1 dan RTM 2 telah diberhentikan mulai sidang Parlimen kali ini. Ini adalah satu perkara yang sangat dikesali untuk rakyat yang mengambil perhatian berat kepada perkembangan negara tetapi tidak ada masa menghadiri sidang Parlimen. Sungguhpun *Laporan Parlimen* dalam RTM 1 dan RTM 2 belum memuaskan tetapi mereka masih mendapat tahu sebanyak sedikit hal-hal yang berlaku dalam Parlimen melalui rancangan ini. Dengan rancangan ini dibatalkan memang sebilangan besar rakyat berasa keciwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapa rancangan ini dibatalkan mulai 10hb Oktober sama ada ianya disebabkan oleh bilangan ahli-ahli Pembangkang semakin ramai (*Tepuk*) atau ini ada satu tanda menunjukkan Kerajaan makin tidak ambil berat kepada Parlimen.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (Bangun)

**Tuan Sim Kwang Yang:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Apa Bandar Kuching sibuk-sibuk, duduk! duduk!, bangunlah kalau

hendak challenge, bangun. Tuan Yang di-Pertua tidak bercakap, dia suruh duduk. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, saya beri amaran. . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, dia minta saya duduk.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sila duduk.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Saya tidak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri, duduk Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Malulah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Siapa itu tadi? Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya rancangan *Laporan Parlimen* ini dipulihkan semula dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin membangkitkan satu perkara yang tidak diinginkan, yang berlaku baru-baru ini dalam kawasan pilihanraya kecil Parit Raja iaitu pada 13hb Oktober. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ini berkenaan dengan Kementerian Penerangan?

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya.  
(*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau tidak, jangan sebut.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, saya akan berucap sewaktu Budget. Kalau ada peluang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.30 ptg.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Yang di-Pertua, melihat jadual yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapati bahawa Kementerian Luar Negeri perlu ataupun telah ditambah peruntukannya sebanyak \$2.8 juta iaitu sebahagian dari perbelanjaan ini telah pun digunakan untuk mengurus kerja mengenai program atau mengenai pengurusan pejabat-pejabat kita di luar negeri termasuk Suruhanjaya Selatan-Selatan yang mana negara kita menjadi kuasa penggerak yang utama.

Melalui daya usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Suruhanjaya ini telah berjaya ditubuhkan dan sedang menjalankan usaha-usahanya di dalam memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan politik negara-negara yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi dunia sekarang ini di mana segala prinsip-prinsip perdagangan bebas telah pun dicemar dan dilanggar oleh negara-negara yang mengajarkannya kepada kita (seperti Amerika Syarikat, Britain dan Eropah Barat) melalui dasar-dasar protectionismnya, kita perlu dengan secara serius menyedar dan

menarikkan negara-negara Dunia Ketiga ke dalam gerakan Selatan-Selatan ini. Kita tidak lagi boleh bergantung sangat kepada pasaran-pasaran di Amerika Utara iaitu di Amerika Syarikat dan Canada atau ke pasaran di Eropah Barat iaitu terdiri daripada negara-negara yang menjadi ahli European Community. Amerika Utara di samping membina tembok sekatan secara tarif ataupun bukan tarif adalah juga menunjukkan lebih minat terhadap Amerika Selatan pada masa ini, lebih-lebih lagi di masa apabila sahabat-sahabat lamanya di sebelah sini seperti Philippines dan Korea Selatan sedang menunjuk sikap-sikap anti-Amerika.

Pada tahun 1992 pula, Tuan Yang di-Pertua, satu penyatuan negara-negara Eropah Barat dalam bentuk European Union akan berlaku di mana segala bentuk sekatan secara bersepadu akan dikenakan terhadap barang-barang dari negara-negara ketiga iaitu termasuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perindustrian Dunia Ketiga adalah satu-satunya cara untuk melepaskan masyarakatnya dari belunggu kemiskinan dan kemunduran. Negara kita sebagai sebuah negara dunia ketiga yang sedang giat mengeluarkan khidmat dan barang-barang siap dari sektor industri memerlukan pasaran untuk menjualkan barang-barang ini sama seperti kebanyakan negara dunia ketiga yang lain. Kita tidak mempunyai penduduk dalam negeri yang banyak untuk merupakan satu kuantum pasaran dalaman yang berkesan untuk barang-barang buatan kita. Justeru itu, kita terpaksa mengeksport barang-barang kita. Ini menjadi satu strategi di dalam pembangunan negara kita. Oleh itu di dalam suasana pasaran dunia yang lazimnya kita mengeksportkan barang-barang kita seperti ke Amerika Utara dan Eropah disekat sedikit

sebanyaknya daripada kita, kita perlu mencari pasaran-pasaran lain.

Sekarang ini kita mengalihkan pandangan kepada blok komunis. Tetapi biar saya memberi ingatan di sini, blok Komunis pun ada persatuan-persatuan negaranya seperti COMECON di kalangan negara-negara Sosialis Eropah Timur. Mereka ada kepentingan masing-masing dan mereka ada tujuan dan dasar masing-masing. Pasaran yang terbesar di China Komunis pula pada masa ini adalah indah khabar dari rupa kerana walaupun rakyatnya banyak kuasa membelinya masih rendah dan walaupun kemungkinan besar apabila kuasa membelinya meningkat, pasaran ini akan dibolot oleh negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan yang mempunyai comparative advantage lebih daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita tidak ada jalan lain atau cara lain melainkan menyatukan daya ekonomi negara-negara dunia ketiga khususnya negara-negara kecil yang sedang membangun. Penyatuan ini mestilah bermatlamat untuk mengembelikan modal bersama untuk usaha-usaha pengeluaran dan mewujudkan satu pasaran bersama untuk pertukaran-pertukaran hasil industri, perkhidmatan, dan juga pembangunan pertanian. Setakat penubuhan ASEAN sahaja adalah tidak cukup. ASEAN bolehlah disifatkan sebagai langkah pertama yang mempunyai tujuan lain selain dari tujuan ekonomi. Tujuan-tujuan lain ini ialah berupa kerjasama politik dan budaya lantaran kedekatan geographis dan pergongsian sejarah dan budaya di antara negara-negara ahli. Apa yang saya hendak menyerukan di sini ialah supaya usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setakat ini di dalam mewujudkan talian-talian ekonomi dengan negara-negara kecil seperti Fiji, Papua New Guinea, Seychelles, Mauritius, Tongga dan

lain-lain lagi diteruskan dan diperkemaskan sehingga meliputi negara-negara Afrika dan negara di Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang mentertawakan usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini termasuk golongan dari kalangan akademia. Sebenarnya mereka ini rabun penglihatan mengenai trend ekonomi iaitu trend ekonomi antarabangsa kerana terlalu taksub dengan sifat pergantungan kepada Amerika dan Eropah Barat. Kalau dilihat trend atau dengan perkataan lain aliran perdagangan di kalangan negara-negara dunia ketiga yang sedang membangun, satu gejala yang menggalakkan berlaku. Gejala ini ialah kadar peningkatan perdagangan di kalangan negara-negara ketiga telah meningkat lebih tinggi daripada kadar peningkatan perdagangan di antara mereka dengan negara-negara yang sudah membangun seperti Amerika Utara, Eropah dan Jepun. Justeru itu negara-negara dunia ketiga mesti mula menjalankan kerja-kerja organisasi untuk mengeksploitasikan trend ini.

Satu daripada caranya ialah memperkukuhkan Forum Selatan-Selatan yang mana kita telah memperuntukkan wang untuk peranan kita di dalam pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, iaitu Forum Selatan-Selatan yang sedia wujud di mana negara kita menjadi aktivis yang paling aktif pada masa ini. Usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti dipupuk dan diperkembangkan di dalam konteks Forum Selatan-Selatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyokong permohonan tambahan walaupun telah dibelanjakan setengahnya oleh Kementerian Luar untuk tujuan ini. Walaupun kecil ianya kalau disalurkan kepada usaha

ini akan memberi manfaat yang besar di dalam jangka waktu yang panjang.

Kementerian Luar Negeri di dalam konteks pembangunan ekonomi negara mesti menukarkan sikap dan imejnya dari hanya menjadi satu kumpulan yang membuat kerja diplomasi sahaja kepada satu kumpulan yang agresif di dalam menjalinkan talian-talian ekonomi negara kepada pasaran-pasaran luar di mana sahaja pasaran ini wujud.

Di dalam perbincangan Anggaran Belanjawan tahun lalu Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli-ahli Dewan menyeru supaya segala pejabat-pejabat agensi ekonomi negara seperti MIDA, PERNAS, RISDA, FELDA, RRI, PORIM dan lain-lain ditempatkan di bawah satu bumbung di bawah pengawalan kedutaan. Saya ingin bertanya Menteri berkenaan, berapakah bilangannya missi-missi luar kita yang telah disepadukan sebegini? Saya fikir belum ada lagi. Kalau ada pun satu dua sahaja. Tuan Yang di-Pertua, mission ataupun missi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai suatu kuasa ekonomi dunia belum lagi diterapkan sedalam-dalamnya ke dalam birokrasi Kerajaan khususnya di kalangan pejabat-pejabat luar kita yang mana perlu menjadi alat penghubung untuk barang-barang eksport kita. Pembangunan ekonomi kita bergantung kepada kebolehan kita menjual barangan kita di pasaran dunia. Mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kerja seorang diri tanpa memberitahu secara umum missi ataupun impiannya seperti mana yang dibuat oleh mendiang Martin Luther King yang melaungkan "I have a dream". Mungkin juga Yang Amat Berhormat terlalu sibuk dengan urusan konflik managementnya di dalam negeri sehinggakan terlupa untuk menekankan mission, objektif dan

strategi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeksport yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang selalu diterapkan melalui Biro Tata Negara ialah vision Yang Amat Berhormat. Vision ertinya impian, iaitu pada peringkat konsepsyualisasi atau peringkat angan-angan. Tetapi melihat apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat pada masa ini, ia adalah merupakan mission atau misi yang sudah maju ke peringkat tindakan. Birokrasi Kerajaan kita termasuk Kementerian Luar Negeri dan Biro Tata Negara nampaknya belum dapat mengikut kelajuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bergerak di dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, saya menyeru Kementerian Luar Negeri mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menjadi pencetus pembangunan sektor eksport ini melalui program-program ekonomi yang berfungsi atau, dengan izin, yang functional.

Saya ingin bertanya lagi, berapa orangkah Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri yang terdiri daripada ahli-ahli Perniagaan yang dipinjamkan dari sektor swasta? Soalan ini saya tujukan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pesuruhjaya Perdagangan mestilah terdiri dari orang-orang dari business sector yang tahu segala selok-belok perniagaan. Kalau mereka ini datangnya dari kumpulan Pegawai Tadbir, tentu sekali apa yang sudah pun berlaku akan berterusan iaitu segala kerja-kerja yang dibuat hanya kerja diplomasi sahaja. Kerja menjual, kerja tawar-menawar, kerja perhubungan awam bukanlah bidang Pegawai-pegawai Tadbir yang keseluruhannya dilatih bersikap dan menyifatkan diri mereka sebagai diplomat, bukan salesmen.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan personality salesman dan diplomat adalah sangat-sangat bertentangan di

antara satu sama lain. Salesman adalah berperanan agresif di dalam memujuk, menawar dan mempengaruhi, padahal seorang diplomat mesti mempunyai personality yang, dengan izin, "refined", halus tingkah laku dan lain-lain sifat diplomasi. Kita mahu banyak salesman di pejabat luar kita, lebih bilangannya dari diplomat sebab kita mahu menjual barang-barang, bukan berunding untuk keamanan dunia semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kerja-kerja merunding mengenai keamanan dunia dan masalah-masalah kemanusiaan pun perlu diperbaiki apa lagi apa yang ada oleh segelintir diplomat-diplomat kita. Saya terpaksa membawa perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini mengenai peristiwa yang berlaku di Persidangan IPU di Sofia, Bulgaria pada bulan yang lalu. Di Sidang Agung IPU (International Parliamentary Union) di Sofia, Bulgaria yang lalu, isu ISA Malaysia dibawa ke hadapan Jawatankuasa Hak Asasi Manusia oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Apabila perwakilan Malaysia dipanggil untuk penerangan lanjutan, alangkah terkejutnya kami mengetahui bahawa Jawatankuasa ini hanya mendapat ceritanya secara detail dari kumpulan-kumpulan membuat aduan. Walaupun Yang Berhormat Tan Sri Speaker telah menghantar jawapan pertanyaan Jawatankuasa IPU ini tidak berapa lama sebelum persidangan dimulakan, malah Jawatankuasa ini tidak pernah mendapat apa-apa penerangan dari Kedutaan kita di Vienna selepas berkali-kali menulis surat. Setiausaha Jawatankuasa ini sendiri, iaitu pegawai dari Perancis menunjuk sepucuk surat dari perwakilan kita di Vienna yang merupakan surat "acknowledgment" penerimaan pertanyaan-pertanyaan itu sahaja.

Selain dari surat ini menurut beliau, tidak ada apa-apa lagi penerangan walaupun permintaan demi permintaan dibuat. Pihak Jawatankuasa

Human Rights IPU ingin mendapatkan keterangan secara menyeluruh dari dua belah pihak, termasuk rationale di belakang penahanan sebilangan tokoh-tokoh politik Pembangkang. Inilah yang mereka minta dari perwakilan kita dua bulan sebelum persidangan untuk pertimbangan di dalam "deliberations", dengan izin, mereka. Ini tidak dapat ditunaikan oleh perwakilan kita itu, iaitu perwakilan dari Vienna. Saya ingin bertanya apa sebab perkara ini berlaku? Adakah ini membayangkan sikap Kementerian Luar? Sudah tentu tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri mengarahkan pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negeri supaya bersikap lebih agresif. Tiap-tiap Kedutaan kita mesti boleh memberi response yang memuaskan kepada pertanyaan-pertanyaan mengenai dasar Kerajaan dan memberi keterangan mengenai negara apabila pertanyaan datang dari sesiapa sahaja di luar negeri. Peranan yang lebih aktif mesti dimainkan di dalam menyediakan bahan-bahan rujukan, dengan izin, "reference materials" dan khidmat-khidmat lain kepada perwakilan-perwakilan bukan Kerajaan seperti rombongan Ahli-ahli Parlimen ke Persidangan Antara-bangsa.

Setakat ini memang sudah ada khidmat memberi bahan-bahan berhujah oleh Wisma Putra, tetapi saya fikir ini perlu dibantu oleh Kedutaan-kedutaan kita di tempat persidangan mengenai maklumat-maklumat tambahan yang dikehendaki. Khidmat sebegini saya perhatikan diberi oleh Kedutaan-kedutaan asing, misalnya pada Persidangan IPU yang lalu, Thailand, India dan Pakistan masing-masing cuba memenangi beberapa kerusi ataupun jawatan-jawatan di dalam IPU. Negara-negara ini seperti kita tidak mempunyai Kedutaan masing-masing di Sofia, Bulgaria

tetapi segala pegawai-pegawai Kedutaan masing-masing dari Paris dan Vienna berada di Sofia untuk membantu perwakilan masing-masing di dalam usaha kempen dan lobi. Begitu juga Indonesia yang mempertahankan dasarnya mengenai Timur-Timur. Dutanya di Sofia datang sendiri menghadiri persidangan itu tiap-tiap hari bersama Ahli-ahli Parlimennya. Malangnya perwakilan Malaysia tidak mendapat apa-apa khidmat bantuan, tetapi alhamdulillah, seorang ahli perwakilan kita, iaitu Yang Berhormat D. P. Vijandran, iaitu Tuan Speaker sendiri telah dipilih menjadi ahli Human Rights Committee hasil usahanya dan rakan-rakan serombongan.

Tuan Yang di-Pertua, andainya ada khidmat bantuan pegawai Kedutaan kita, saya yakin jawatan Presiden IPU pun boleh kita mencabar dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan supaya Wisma Putra menyusun khidmat bantuan dan mengkoordinasikan segala persidangan penting di luar negeri agar Malaysia bukan sahaja dapat menunjuk imej yang lebih gigih, tetapi supaya dapat Malaysia memainkan peranan sebagai aktivis di dalam menyatukan negara-negara dunia ketiga sebagai satu kumpulan ekonomi yang kuat. Misi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti dijejaki sehingga berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penambahan peruntukan yang dibentangkan ini sebanyak \$741,770 diberi kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk tahun 1988. Saya ingin membuat beberapa teguran ke atas Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, satu aktiviti Jabatan ini ialah memberi bantuan kepada ahli-ahli masyarakat yang

betul-betul daif dan yang ketiadaan apa-apa sumber pendapatan langsung. Saya hairan mengapa Jabatan ini dengan secara "arbitrary", dengan izin, menentukan sesiapa yang berkelayakan mendapat bantuan dan yang telah pun mendapatnya diberhentikan begitu sahaja tanpa alasan-alasan yang munasabah. Misalannya, di kawasan saya di Padang Terap, kawasan yang paling termiskin di negara ini, seorang janda yang tua telah ditarik balik bantuannya sehingga beliau diancam mati kelaparan. Saya ingin bertanya apakah dasar Kerajaan di dalam memberi bantuan kepada fakir miskin yang daif, yang tiada langsung sumber cari makan. Kalaulah jawapan yang akan diberi kepada saya oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan berkata bahawa peranan membantu mereka mesti juga dipikul sama oleh masyarakat sekeliling, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengkaji sedalam-dalamnya keupayaan masyarakat tertentu menjalankan peranan ini. Masyarakat di kawasan Padang Terap adalah masyarakat miskin, keupayaan mereka memainkan peranan membantu anggota yang daif adalah amat berkurangan sekali, malah kebanyakan anggota masyarakat ini adalah hidup kais pagi makan pagi. Oleh itu, saya memohon jasa baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengambil kira fakta ini sebelum ditarik balik bantuan daripada penerima-penerima yang datang dari kawasan miskin seperti kawasan Padang Terap. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

4.58 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini yang

bernilai sebanyak lebih \$2.8 juta bagi kegunaan perbelanjaan Mengurus Kementerian Luar Negeri.

Mengikut Kertas Perintah 31A tahun 1988, Lampiran "A", tambahan peruntukan ini dikehendaki untuk membiayai bayaran emolumen pemberian dan sumbangan Kerajaan Malaysia kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa serta menampung kadar pertukaran mata wang asing dalam tahun 1987. Jumlah bayaran emolumen adalah \$1,670,200 bagi kegiatan politik di bawah Butiran Projek "Politik dan Penerangan". Kegiatan yang sama juga menerima pemberian kenaan bayaran tetap sebanyak \$1,150,700. Selebihnya daripada tambahan perbelanjaan lebih \$10,000 juta berupa pemberian dan kenaan bayaran tetap bagi kegiatan ekonomi di ASEAN.

Sama seperti tahun-tahun yang lalu pemberian yang diberi oleh Kerajaan bagi pertambahan dalam peruntukan adalah terlalu umum. Contohnya, nilai jumlah pertambahan yang diperlukan bagi menampung kadar pertukaran mata wang asing dalam tahun 1987 tidak diberitahu, begitu juga dengan identiti pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang Kerajaan Malaysia menyumbang kepadanya.

Maklumat sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, amatlah berguna dalam penganalisaan penglibatan Malaysia daripada kedua-dua segi kewangan dan arah haluan polisi luar negeri di arena politik antarabangsa. Memandangkan salah satu tujuan aktiviti politik di Kementerian Luar Negeri adalah untuk mendapat sokongan dan kerjasama negara-negara asing dan di forum-forum antarabangsa demi kepentingan negara, kami ingin tahu sama ada sebahagian daripada pertambahan dalam perbekalan ini ada kena mengena dengan persaingan di antara Malaysia dan Cyprus serta Bangladesh

untuk mendapatkan kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, sama ada wang ini pun digunakan untuk memberi dengan percuma orkid-orkid Malaysia kepada wakil-wakil negara-negara asing di Bangsa-bangsa Bersatu. Walaupun kami merasa gembira orkid-orkid Malaysia itu dapat diiklankan di Bangsa-bangsa Bersatu, kami ingin tahu jumlah wang yang digunakan untuk mengiklan, untuk mendapatkan sokongan dari segi mendapatkan kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Suka saya menekankan di sini kami memang berasa bangga kalau Malaysia dapat menjadi Ahli di dalam Majlis tersebut. Walau bagaimanapun, usaha yang diambil dan wang yang dibelanjakan hendak dipertimbangkan dengan nilai kerusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan sedemikian bukanlah satu perkara di luar dugaan orang ramai kerana kita semua tahu Kerajaan Malaysia teramat sangat ingin mempertingkatkan imej serta nama baik ia di dunia. Bukankah baru-baru ini Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Kewangan telah meminjam sebanyak US\$350 juta daripada 53 buah institusi kewangan utama di dunia semata-mata untuk memperbaiki nama baik Malaysia di dunia? Pinjaman Malaysia tersebut yang disamakan dengan kes sebuah negara yang sedang mencuba untuk mendapatkan pengiktirafan dunia bahawa negara kami adalah satu-satunya negara terutama di rantau Asia yang mendapat sokongan meluas daripada bank-bank negara Amerika Syarikat dan Eropah. Adalah dipercayai Kerajaan Malaysia memilih untuk mendapatkan sumber kredit yang jauh lebih mahal demi memperolehi sokongan bank antarabangsa yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa wakil dua buah bank Jepun di

Hong Kong telah menawar kepada Kementerian Kewangan yang lebih murah daripada pinjaman ini dan ditolak tawarannya. Bank-bank yang rela menyertai pinjaman ini dan sebahagian besarnya adalah dari negara Jepun adalah untuk menjalin perhubungan di antara kedua-dua belah pihak. Pendek katanya memberi muka tidak semestinya bererti menyokong tindak tanduk pentadbiran Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu sesungguhnya Kerajaan Malaysia selalunya mengatakan bahawa tindak-tanduk pentadbiran selama ini, misalnya, penahanan besar-besaran aktivis-aktivis politik dan sosial, penubuhan Tribunal serta pemecatan Ketua Hakim Negara dan dua orang Hakim Mahkamah Agong tidak menjejaskan imej negara. Di sebelah pihak yang lain, kami nampak Kerajaan bermati-matian untuk mendapat kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu serta bersedia menanggung beban hutang bagi 10 tahun demi memperbaiki imej dan nama baiknya di dunia. Akhir-akhir juga lain yang bengkak dan lain pula yang bernanah. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan. . . . .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyebutkan perkataan lain yang bengkak lain yang bernanah. Saya kurang pasti apa maksud Yang Berhormat. Kemudian Yang Berhormat juga ada menyebut bahawa dia dalam masa yang sama suka kalau kita menjadi ahli di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tetapi dia ingin seimbangkan dengan nilai perbelanjaan. Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu berapa jumlah nilai kerusi itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu memang menyoyal dengan betul, betul kerana saya percaya dia sebagai orang yang beriman dan budiman hendak mengetahui dalam erti kata yang sebenarnya, imej Malaysia ini. Imej itu jatuh bila kita tangkap orang secara beramai-ramai tanpa alasan yang jelas, tanpa bukti, tanpa dihadapkan ke Mahkamah, itulah imej dan nilai yang tidak dapat ditafsirkan. Bukan kita memberi orkid-orkid sahaja ataupun meminjam wang untuk muka negara itu dapat menaikkan imej. Ini yang penting sekali Yang Berhormat.

Kalau kita hendak bincang secara panjang lebar boleh juga.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Minta penjelasan lagi. Tadi Yang Berhormat kata kita ada beri belanja orkid dan semua ini. Adakah peruntukan itu untuk perbelanjaan orkid dan sebagainya? Jadi, kita tahulah kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendak jawab berapa nilai kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, jadi Yang Berhormat beri tahu nilainya, adakah \$3.00, \$1 jutakah atau 30 sen.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi itu dia hendak ukur imej itu dengan wang nilai sahaja bahkan juga dia pun tidak tahu apakah nilai yang dibelanjakan setakat ini. Kami di sini hendak tahu apakah wang yang digunakan untuk mewujudkan publisiti yang baik wal hal tindak tanduk di dalam negeri ini menjejaskan imej negara.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tadi nampaknya soalan

daripada rakan saya tentang di mana bengkak dan di mana bernanah. Yang lazimnya bengkak dan bernanah itu satu tempat dan kalau tafsiran itu dapat diberi dengan betul ternyata yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi, saya harap supaya dapat memberi penjelasan yang lebih jelas dan tafsiran tentang orang yang beriman dan budiman ini, bagaimana pada tafsiran yang dibuat oleh Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jadi, Yang Berhormat tadi pun membaca Al-Quran dan buku-buku suci yang lain, saya pun membaca juga dari segi agama Buddha dan sebagainya dan setakat itulah beliau tahu apakah yang dimaksudkan sebagai orang yang beriman dan orang yang budiman dan tambahan pula Tuhanlah yang lebih mengetahui sama ada orang itu budiman ataupun beriman.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi meta-fizik dan kepercayaan kepada Tuhan, adalah susah untuk membincang secara panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini dengan masa yang begitu singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tarah Merah bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat dari Kepong menyatakan bahawa Malaysia dari segi imej telah jatuh. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat itu dengan tepat dan teliti, dari mana dan ke mana jatuhnya imej Malaysia?

Kedua, apakah ukuran yang dikatakan imej Malaysia jatuh hanya kerana penangkapan besar-besaran kepada peristiwa Oktober tahun lepas, dan ketiga, apakah peranan yang menyebabkan Malaysia dikatakan jatuh dari segi imej dan apakah peranan ini dimainkan oleh satu pihak

Pembangkok sendiri, di mana semasa lawatan kami ke Belgium, semasa saya mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami mengadakan perjumpaan dengan Ahli Parlimen di Belgium—saya bersama dengan Ahli Parlimen dari Kota Setar dan Ahli Parlimen dari Ampang Jaya, Dr Lim Ann Koon yang mewakili MCA. Pertama kita dapat buktikan bahawa mereka mendengar maklumat one-sided dan gambaran itu seolah-olah apa yang diperkatakan oleh wakil Pembangkang, khususnya DAP dari Malaysia, tetapi Alhamdulillah, setelah kita memberi penjelasan, mereka boleh menerima dan di segi terbukti bahawa ada pihak-pihak yang memainkan peranan dengan tujuan tertentu membawa imej dan setelah kita perbetulkan, manusia boleh menerima hakikat yang sebenar dan saya minta Yang Berhormat dari Kepong memberi penjelasan yang tepat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan yang tepat itu mudah. Saya dikurung lebih 7 bulan dan ada 5 ahli DAP di dalam Dewan yang mulia ini masih dikurung, ditahan di dalam Kem Kamunting. Itu jelas menunjukkan penjejasan imej Malaysia dan semasa saya ada di dalam tahanan saya pun dengan sendiri mengalami kesiksaan dan saya dapat memperbincangkan bagaimana kesiksaan ini dapat dilakukan kepada rakan-rakan saya dan saya ada bukti di sini. Jadi panjang lebar yang mana kalau hendak bincangkan di sini pun terkeluar daripada perbincangan Majlis Dewan hari ini. Kalau dia hendak tengok, ada di sini semua, tidak lama lagi saya akan keluar buku untuk menceritakan hakikat bagaimana imej negara ini dijejaskan, bagaimana ketidakadilan dilakukan ke atas hak-hak asasi manusia (*Tepuk*), bagaimana penyalahgunaan kuasa Kerajaan dapat dilakukan dengan tidak disetujui oleh pihak Yang

Berhormat. Itulah masalah penyalahgunaan kuasa Kerajaan, masalah pelanggaran hak-hak asasi, masalah menahankan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat tanpa bukti yang boleh dihadapkan ke mahkamah. Itulah imejnya sekarang.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit lagi? Tadi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan betapa siksanya Yang Berhormat berada di dalam Kem Tahanan di Kamunting. Yang Berhormat dan beberapa kawan sejumlah 42—sebahagian telah keluar, sebahagian masih berada, paling-paling banyak 42—tetapi apakah Yang Berhormat sedar ataupun Yang Berhormat boleh menerima keyakinan dengan alasan yang saya beri seperti saya beri kepada Ahli Parlimen Belgium yang akhirnya mereka boleh menerima, hasil daripada mulut beracun Yang Berhormat, kemungkinan pertumpahan darah, bukan 40—400 atau 4,000 kerana perbuatan-perbuatan ini, akhirnya mereka boleh terima. Sabarlah, terimalah siksa sedikit fasal perbuatan banyak bercakap, lamalah sedikit! Kita menerima hakikat, berani buat berani tanggunglah. Jadi pada hari ini saya dan kami telah yakinkan bahawa kemungkinan berlaku perkara itu dibuat dan hendak dibukti tidak boleh, takkan kita hendak tunggu bukti setelah bergelimpang mayat, darah bertaburan hasil perbuatan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak bertanggungjawab, yang pentingkan matlamat peribadi sahaja, sebab itu saya telah nyatakan manusia boleh menerima hakikat. Kena faham realiti masyarakat kita tetapi Yang Berhormat saudara-saudara asyik dengan mulut beracun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta penjelasan sahaja.

**Tuan Hashim bin Safin:** Jadi penjelasannya, apakah Yang Berhormat memberi gambaran yang adil, hanya menghasut bukan setakat di Malaysia, di luar negeri pun menghasut.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu kalau dia mahu dia boleh dipelawa untuk menyaksikan dan menyiasat dengan sendiri apakah keadaan dan bukti-bukti yang dapat diperolehi untuk memberitahu Yang Berhormat dan rakan-rakannya bagaimana orang-orang tahanan ini dilayan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ini bukan hasutan, ini berdasarkan kepada pengalaman saya dan bukti saya dan saksi saya sendiri. Itulah yang lebih penting. Yang Berhormat tidak pernah mengalami pengalaman seperti ini. Kalau tidak, janganlah kita hendak sebutkan perkara yang tidak-tidak pernah ada pengalaman itu. Kalau berbuat demikian itulah tidak manis, tidak wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kpong, sila teruskan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan yang diminta untuk Kementerian Penerangan, saya percaya dengan adanya lebih banyak Projek VHF/FM dan sebagainya, dasar Penerangan hendaklah diubahsuaikan untuk menampung pendapat-pendapat daripada pelbagai golongan di negara ini, bukan setakat SEMARAK bagi pihak satu golongan sahaja, untuk golongan-golongan yang lain di negara ini. Walaupun ahli-ahli Pembangkang seperti DAP mendapat hampir satu juta undi di dalam pilihanraya umum 1986 tetapi suara DAP tidak dapat disalurkan melalui radio dan televisyen ataupun media massa yang lain yang dimonopoli oleh Kerajaan.

Jadi, di sini pihak Kementerian Penerangan minta peruntukan tambahan dan saya menekankan di sini taat setia kepada negara, kepada Raja hendaklah dibezakan daripada taat setia kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad. Jadi, taat setia kepada negara dan Raja tidak serupa dengan taat setia kepada Kerajaan. Yang Berhormat tadi dia tidak membezakan di antara satu dengan yang lain, itulah masalah timbul. Dari segi dasar Penerangan, saya berharap Kementerian Penerangan dapat membezakan di antara kedua-dua jenis kesetiaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerjaraya, saya dapati bahawa perbelanjaan untuk membina lebuhraya-lebuhraya termasuk Lebuhraya Timur-Barat telah melambung, misalnya perbelanjaan untuk Lebuhraya Timur-Barat dianggarkan pada tahun 1982 sebagai \$364 juta dan sekarang dengan perlunya untuk memperbaiki dalam tempoh 2-4 tahun sahaja, perlu untuk memperbaiki Lebuhraya tersebut, kos perbelanjaan melambung naik kepada \$420 juta. Ini merupakan satu perkara yang amat memeranjatkan kami. Bagaimana rancangan untuk membina lebuhraya tersebut mengakibatkan perbelanjaan dan kos melambung naik kepada tahap yang begitu tinggi? Kalau kita ikut Manual penyelenggaraan lebuhraya, sebatang lebuhraya memerlukan diperbaiki tiap-tiap 7 tahun sekali, tetapi sekarang 2 atau 4 tahun sahaja untuk memperbaiki jalan.

Jadi dari segi ini timbulnya masalah bahawa tender yang diberi kepada pihak kontraktor itu mungkin tidak sesuai. Kalau sesuai mengapa kos melambung naik begitu banyak dan keperluan untuk memperbaiki jalan dengan lebih awal daripada yang

ditetapkan di dalam Manual penyelenggaraan lebuhraya itu? Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian Kerjarayanya dapat mengkaji semula dasar penyelenggaraan lebuhraya, dasar perancangan untuk rekabentuk, untuk geology topography lebuhraya dapat dikaji semula supaya kos itu tidak akan melambung naik dengan begitu banyak, dan ini termasuk tender yang diberi kepada U.E.M, dengan tender yang lebih \$3.4 billion ini. Bolehkah kita memastikan bahawa dalam masa 2-4 tahun ini tidak memerlukan perbelanjaan tambahan diminta di dalam Dewan yang mulia ini untuk memperbaiki lebuhraya itu?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan keperluan untuk mengkaji semula juga dari segi juru perunding-juru perunding di dalam projek-projek lebuhraya ini. Saya hendak bertanya sama ada di dalam Kerajaan terdapat cukup pakar-pakar untuk membincang, merancang dan membuat projek yang tertentu.

Di dalam beberapa tahun ini Kerajaan menghantar banyak kakitangan untuk melanjutkan pelajaran, untuk mendapat kemahiran, kepakaran di dalam bidang-bidang yang tertentu dan adakah usaha-usaha ini menghasilkan pakar-pakar yang cukup untuk projek-projek yang dirancangan oleh Kerajaan? Dan semasa ini banyak juru perunding-juru perunding yang dipelawa daripada Italy dan sebagainya untuk merencanakan projek-projek lebuhraya dan bayaran ke atasnya berjuta-juta ringgit, dan ini boleh dijimatkan kalau pakar-pakar di dalam Kerajaan boleh digunakan.

Saya berharap pihak Kementerian dapat menerangkan sama ada kita dapat cukup bilangan pakar di dalam Kementerian, kalau tidak mengapa tidak, dalam bidang apakah kita tidak dapat pakar-pakar yang diperlukan?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, permintaan lebih daripada \$100 juta untuk membina projek-projek bekalan air, bekalan elektrik dan memperbaiki jalan-jalan di luar bandar. Memang projek-projek memperbaiki jalan dan membekal elektrik dan air kepada luar bandar adalah perlu. Walau bagaimanapun saya dapati fungsi yang bertindih-tindih di antara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta Kementerian Kerjaraya, Negeri dan daerah dan ada satu lagi projek swasta pembekalan air ke luar bandar iaitu Antah Biwater yang bernilai \$1.4 billion. Jadi keempat-keempat inilah bertindih-tindih, saya pun tidak faham mengapa wujudnya keadaan yang sedemikian.

Di sini saya berharap pihak Kementerian dapat menerangkan bagaimana peruntukan pembekalan ini diperlukan untuk projek-projek air dan elektrik, dan apakah terjadi dengan projek swasta pembekalan air ke luar bandar Antah Biwater, dan ini bukannya perbelanjaan yang bertindih-tindih, yang tidak diperlukan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan juga Usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Ucapan saya ini ataupun pandangan saya ini adalah "consistent", dengan apa yang saya bangkit, dengan apa yang saya saran di waktu perbahasan Belanjawan dalam tahun 1986 dan berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.27 iaitu Kementerian Luar Negeri P.54—Kementerian Kerjaraya dan P.56—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Pertama persoalan yang saya ingin bangkitkan ialah saya meminta Kerajaan “beristiqamah” di dalam kita membicarakan soal kedatangan pelabur-pelabur ke negara ini, bukan sahaja kita menyalahkan orang lain, menyerang orang lain semata-mata, tetapi harus juga kita melihat jika ada kelemahan di dalam diri kita semoga kita memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut untuk kebaikan negara kita.

Saya bersetuju apa pun tindakan yang dibuat oleh Kerajaan, jika ada mereka yang bersalah kita mengambil tindakan, tetapi janganlah semata-mata kita menggunakan alasan menyalahkan orang lain sepanjang masa, manakala kita tidak dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dalam diri kita, sebab itu tanggungjawab Kementerian Luar Negeri adalah besar.

Kita membangkit kenapa pelabur-pelabur tidak datang dari luar negeri? Saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan, di zaman Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, di zaman Tun Hussein Onn, kita ada juga sedikit sebanyak masalah, tetapi pada waktu itu tahun 1969 di waktu trajidi 13 Mei, Dasar Ekonomi Baru dibentuk untuk merapatkan jurang di antara mereka yang berada dan tidak berada.

Dasar 30% diputuskan sesudah demokrasi dipulih pada tahun berikutnya. Dan pelabur-pelabur datang dengan mencurah-curah—tidak banyak insentif yang diberi pada waktu itu. Pelabur tidak menyoal soal dasar-dasar termasuk Dasar Ekonomi Baru. Mereka terima dengan baik dan kita

lihat banyak kilang-kilang dibuka pada waktu itu. Banyak peluang pekerjaan dapat kita adakan untuk rakyat negara kita tanpa mengikut kaum di mana usaha membasmi kemiskinan ini adalah tanggungjawab kita semua.

Maka sebab itulah saya menyarankan supaya Kementerian Luar selain daripada kita memberi gambaran di sebelah pihak, kita harus melihat tentang masalah-masalah yang sebenarnya berbangkit ini, kerana dalam soal pengurusan ekonomi dan kewangan yang penting ialah credibility, yang penting ialah amanah, kerana selama ini seperti mana saya sebut dalam ucapan saya sebelum ini yang penting dikatakan amanah dan credibility inilah yang menjadi ukuran semua pihak dalam menilai Kerajaan kita, Kerajaan negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak persoalan-persoalan yang dibangkitkan, bersabit dengan pengurusan kewangan. Saya melahirkan perkara ini dengan rasa tulus ikhlas untuk sama-sama mempertahankan negara kita, mempertahankan kepentingan rakyat negara kita, sebab tidak keterlaluan kalau saya mengatakan banyak sangat pembaziran yang telah berlaku sebelum ini.

Saya sokong saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Bangsa-bangsa Bersatu apabila dikatakan negara Amerika mampu naik ke bulan, mampu buat roket tetapi pada masa yang sama gagal membasmi kemiskinan bukan sahaja di negara mereka tetapi juga tanggungjawab mereka kepada dunia luar. Tetapi kita di sini apakah projek-projek kita sebelum ini boleh membantu membasmi kemiskinan apabila ditegur projek Dayabumi dahulu, di tegur jabatan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercakap di atas B.27 itu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, terlanjur sedikit, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghuraikan ini kerana ada kait mengaitnya untuk menekankan bagi memberi gambaran dari segi soal kita hendak menarik pelabur, peranan Kementerian Luar iaitu dengan tidak semata-mata kita menyalahkan pihak lain 100%.

Saya percaya Kementerian Luar akan gagal dengan peranannya kalaulah kita tidak dapat membetulkan keadaan dalam negara kita seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak dalam hal-hal seperti ini, saya ingin bangkitkan tetapi insya Allah diwaktu perbahasan Belanjawan nanti untuk menarik perhatian. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli dari Tanah Merah bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan daripada saudara Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kalau tidak silap fahaman saya tadi Yang Berhormat mengatakan seolah-olah Kementerian Luar menyalahkan satu pihak dalam usaha menarik pelaburan dan tidak melihat kepada diri sendiri.

Kalau boleh saya pun berminat hendak tahu apa yang Kementerian Luar salahkan dan kepada siapa, kalau betul fahaman saya yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya menyebut tadi saudara Yang Berhormat dari Tanah Merah iaitu

dalam kita mengharapkan Kementerian Luar menjelaskan keadaan sebenar di luar. Saya menyebut tadi banyak masalah berlaku dalam negara apa pun yang dibuat oleh Kementerian Luar nanti. Kita tahu bahawa pelabur luar tidak yakin untuk melabur di negara kita termasuk untuk buat perjanjian dalam negara kita kerana sudah hilang keyakinan kepada sistem kehakiman kita.

Kita dapat tahu mereka mahu mengadakan perjanjian di peringkat antarabangsa, segala arbitration kalau berlaku di negara ini mereka. . . . .

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai bangun pula.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Apakah ada kait mengaitnya antara soal kehakiman dengan pelaburan? Saya minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jerai. Memang ada kait mengait, sebab mereka melabur beratus juta ringgit. Mereka sudah barang tentu mahu menjamin pelaburan mereka. Jika ada apa-apa masalah mereka boleh pergi ke mahkamah menuntut keadilan mereka, itu sahaja. Dan saya bangkitkan ini dengan ikhlas sebagai peranan saya sebagai Ahli Dewan Rakyat dalam menyentuh soal perkara Kementerian Luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, walau bagaimanapun saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang, mungkin akan saya huraikan diwaktu perbahasan Belanjawan nanti. Tinggal lagi yang saya ingin sebut di sini ialah P.56 bersabit dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Saya meminta supaya pihak Kerajaan iaitu pertama, dalam urusan pembinaan jalan-jalan kampung—menaikkan taraf jalan-jalan kampung. Kita dapati apabila jalan-jalan ini dinaikkan tarafnya, diperbaiki, mudah rosak maka diperlukan pula peruntukan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati jalan-jalan ini sepatutnya kalau dilihat dari segi peruntukan sudah mencukupi tetapi kenapa cepat rosak, ertinya saya meminta supaya diberi perhatian apabila jalan-jalan ini dibina, kontraktor-kontraktor yang diberi tanggungjawab ini supaya membina jalan tersebut mengikut spesifikasi. Janganlah jalan-jalan kampung ini dibina di mana tanah-tanah itu dicampur aduk dengan batu sehingga jalan-jalan itu mudah menjadi rosak. Tidak sampai 3, 4, 5 bulan habis jalan-jalan ini rosak dan perlu pula kepada peruntukan tambahan.

Jadi ini kita kira salah satu daripada unsur yang tidak memberi kebaikan dalam kontek bukan sahaja dari segi kewangan negara tetapi juga dari segi faedah rakyat sendiri. Banyak perkara-perkara jalan kampung ini kalau kita lihat sesudah dibina selepas 6 bulan diberi peruntukan untuk membaiki dan rosak, dan dibaiki lagi, kerana saya dapat tahu, saya minta disemak dan dikaji, diperiksa oleh Kerajaan kepada kontraktor-kontraktor yang mendapat projek-projek ini adalah kontraktor-kontraktor yang dipilih melalui saluran-saluran tertentu. Maka kadang-kadang walaupun peruntukan \$100,000 tetapi belanja buat jalan tidak sampai \$40 atau \$50 ribu, bagaimana kita mengharap jalan ini dibuat dengan sebaik mungkin, sebab itu banyak jalan yang rosak.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga bersabit dengan bekalan elektrik. Banyak lagi kawasan kita yang tidak ada bekalan elektrik ini. Kita menyerahkan bekalan elektrik ini, saya

difahamkan kepada pihak swasta tetapi pada masa yang sama harapan kita ialah kawasan-kawasan di luar bandar supaya Kerajaan menepati jadual di mana diharapkan bekalan elektrik ini dapat disempurnakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, P.54 mengenai dengan bekalan air. Kita menyerahkan bekalan air ini kepada Antah Biwater, kenapa kita serahkan projek ini, kononnya projek ini adalah untuk projek penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu secara pandangan saya sendiri projek Antah Biwater adalah projek yang pertama sikap Kerajaan hendak berbaik-baik dengan negara British diwaktu lawatan Perdana Menteri Margaret Thatcher sebelum ia dibuat baru-baru ini. Dan projek tersebut diberi kepada Antah Biwater dengan syarikat tempatan iaitu Melewar Group. Apakah Kerajaan sedar sesudah projek ini diswastakan terdapat syarikat-syarikat tempatan terpaksa gulung tikar, kerana Syarikat Antah Biwater ini dalam melaksanakan projek ini membawa paip-paip daripada negara Britain sendiri yang menjejaskan pengeluaran ataupun hasil pengeluaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan. Ertinya secara tidak langsung kilang-kilang di Britain dapat dihidupkan, banyak mendapat peluang kerja manakala dalam negara kita sendiri syarikat-syarikat ini terjejas apabila projek tersebut diswastakan kepada Antah Biwater, malah jadual pelaksanaannya pun tidak mengikut apa yang diharapkan.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan lebuhraya. Banyak kita belanja peruntukan untuk lebuhraya ini termasuklah membaiki jalan-jalan besar, Lebuhraya Utara-Selatan dan di sini permohonan ataupun yang dibelanjakan sudah diperlukan sebanyak \$100 juta.

Kenapa lebuhraya kita senang sangat rosak? Rosak ialah kerana saya dapati, di antara lain, kegunaan yang berlebihan. Saya ingin menyarankan supaya trailer-trailer yang membawa ikan daripada negara Thai menuju ke Singapura diberhentikan supaya segala ikan ini dapat dibawa melalui train iaitu keretapi dan juga boleh menolong menambah pendapatan Keretapi Tanah Melayu kita. Sebab banyak jalan-jalan rosak, serpihan ini kerana kegunaan yang berlebihan dan maintenance pula banyak ialah kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak yang suka dengan projek-projek seperti ini sebab peruntukan benar, untung pun banyak ataupun commission pun banyak. Sebab itu, kita berharap peruntukan-peruntukan yang melibatkan banyak wang rakyat ini haruslah berhati-hati.

Kita boleh membelanjakan untuk lebuhraya beratus juta ringgit, lepas itu kita banding di sini dengan jalan-jalan kampung yang diperlukan yang dibelanjakan sebanyak \$60 juta. Berapa peratus kalau dibandingkan dengan belanja yang digunakan oleh lebuhraya ini dan siapakah yang sebenarnya menikmati lebuhraya ini? Selain daripada pihak-pihak tertentu sahaja, manakala ratusan ribu rakyat di kampung tidak mendapat manfaat yang menyokong ataupun yang memberi kerjasama kepada Kerajaan selama ini, kalau kita lihat dari segi peratusan, sebab mereka juga perlu jalanraya, mereka juga perlu kepada kemudahan, anak-anak ke sekolah terpaksa berjalan dalam beca. Ini semua diketahui umum dan pernah saya membangkitkan perkara ini.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kemaman bangun.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Pasir Mas sama ada dengan ada lebuhraya

beliau sendiri tidak mendapat faedah sebagai rakyat Malaysia. Jika demikian, adakah beliau bercadang supaya Kerajaan kita tidak lagi mendirikan lebuhraya di masa-masa akan datang?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Kemaman. Kalau di tanya secara peribadi sama ada saya mendapat faedah atau tidak tak ada. Tetapi sudah dibuat, bolehlah kita guna sama-sama. Walau bagaimanapun, yang saya hendak terangkan di sini dari segi faedah. Bagi saya biar kita berjalan kaki di atas lopak-lopak, tetapi jangan sekali kita menggadai maruah dan bangsa negara kita.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Setar, ya.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Bagaimana pembinaan lebuhraya ini boleh menggadai negara ini?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya menyebut perkataan menggadai ini ialah tengok sahaja perjanjian antara U.E. dengan Kerajaan di mana Kerajaan menjamin 100% kepada Syarikat U.E. Kalau rugi Kerajaan boleh tambah; hendak tambah tol, boleh tambah tol. Maka kita lihat dari segi perjanjian, apakah kita boleh beri jaminan bahawa lebuhraya ini nanti benar-benar tidak memberi beban kepada Kerajaan. Kalau rugi Kerajaan terpaksa bayar. Itu yang saya fahamkan dalam perjanjian di antara U.E. dengan pihak Kerajaan. Bukan saya kata saya tidak bersetuju dengan lebuhraya dan jalan-jalan ini, tetapi jangan sekali-kali memberi beban kepada rakyat jelata.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada jiran saya — antara Pasir Mas dan Tanah Merah jiran — saya hendak menyakin sama ada betul atau tidak apa yang saya dengar Yang Berhormat dari Pasir Mas bercakap, sebab saya selalu dengar, kami bersama dahulu semasa kempen, sentiasa menyebut bahawa Kerajaan membina lebuhraya, balai raya dan saya masih terdengar-dengar ucapan Yang Berhormat ini dari segi pembelaan. Jadi, saya hendak minta penjelasan, kenapa perubahan suara, nada suara Yang Berhormat pertamanya serak. Keduanya cara bercakap pun berlainan, tidak consistent. Kalau tadi Yang Berhormat kata consistent, saya hendak kepastian, setakat mana consistency? Minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih. Saya rasa sahabat saya dari Tanah Merah sedar tentang consistency saya sebab kita sebagai bekas Exco Pemuda dahulu, jadi, consistency ini jelas. Sebab itu saya hendak mengajar rakan saya semak *Hansard* yang saya berucap dahulu. Saya sudah kata walaupun saya duduk di barisan Bebas, mana yang Kerajaan buat baik untuk negara, saya jamin akan memberi sokongan 100%. Di mana teguran yang perlu kita buat, kita akan beri teguran dan inilah sikap saya dahulu dan sekarang walaupun secara teknikal saya duduk di barisan Bebas.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kemaman bangun pula.

**Tuan Ismail bin Said:** Membina lebuhraya itu tidak baik untuk negara?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak dengar, ulang sekali lagi.

**Tuan Ismail bin Said:** Yang Berhormat dari Pasir Mas telah

menyatakan beliau akan menyokong Kerajaan jika sekiranya satu-satu projek yang dibuat oleh Kerajaan itu baik untuk negara. Jadi, saya tanya beliau sama ada membina lebuhraya itu tidak baik kepada negara?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya rasa saya sudah jawab dan bila saya berucap seperti ini, tak bererti saya tidak menyokong, Saya hanya hendak memberi teguran, hendak beri ingatan supaya sikap kita dapat direkod di dalam perbahasan ini semoga boleh dijadikan panduan kalau hendak digunakan oleh Kerajaan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Marang, nanti. Beri dia peluang jawab dahulu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua. Insya Allah, kalau sudah dua kali masuk ISA, seranglah hendak serang, tidak orang salah. Kita boleh berbahas tetapi saya harap apa yang saya bangkitkan ini untuk tujuan kebaikan kita bersama. Jangan sekali-kali ada sensitiviti kerana politik apabila saya berada di barisan Bebas. Saya belum lagi mengangkat suara saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis, Yang Berhormat? Yang Berhormat sudah habis ucapan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Belum, saya hendak menggulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung. Yang Berhormat, kita hanya ada tidak sampai tiga suku jam. Ada banyak hendak berucap lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya dengan nada yang lemah-lembut, perkara ini dibangkitkan hanya hendak memenuhi tugas saya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat. Sebab itu dahulu betul di luar kita bercakap kita menyokong ini kerana tanggungjawab kita. Tetapi dalam Dewan Rakyat, kita boleh mengkritik, kita boleh menegur. Ada tempat-tempat kita simpan dahulu kerana hendak menjaga maruah bersama kita. Tetapi bila dalam Dewan ini saya membangkitkan perkara ini sesuai dengan peranan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Buat akhir, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan ini saya harap mendapat perhatian oleh pihak Kerajaan, semoga harapan Kerajaan untuk mendapat sokongan rakyat pada masa akan datang tidak akan kecewa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai.

5.48 ptg.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang berbahas dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Kertas Perintah 32 Tahun 1988 terutama dalam perkara lebuhraya. Syukur ke hadrat Allah, sejak kepimpinan negara kita sekarang ini telah wujudnya lebuhraya di Malaysia yang sudah dinikmati oleh semua golongan sama ada golongan yang menyokong Kerajaan atau tidak. Inilah satu hakikatnya bahawa lebuhraya telah mencerminkan sebuah negara Malaysia yang indah daripada usaha-usaha yang dibuat, jalan-jalan yang

merentas belantara dan gunung-gunung dan telah menimbulkan satu imej baru kepada pandangan Malaysia, bukan sahaja memberi peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna jalanraya, tetapi adalah juga telah membawa satu pembaharuan di dalam negara kita yang merdeka ini.

Cuma dalam perbahasan saya ini, lebuhraya yang indah itu ada juga masalah yang patut diberikan perhatian oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) ini, terutama sekali saya lihat di Kedah, Lebuhraya di antara Alor Setar dan Gurun ada pagar-pagar di sepanjang jalan raya itu telah rosak dan menyebabkan banyak binatang-binatang ternakan berkeliaran atas jalan raya itu dan baru-baru ini beberapa keluarga telah berlaku kemalangan kerana binatang-binatang yang berkeliaran atas jalan raya itu. Ini patut diberikan perhatian oleh pihak LLM dan bagi mereka yang selalu mengalami kerosakan kenderaan atas jalan raya itu, lambat sangat Peronda Lebuhraya untuk membantu mereka, terutama di waktu tengah malam. Itu juga satu perkara yang boleh menimbulkan kesulitan kepada pengguna-pengguna lebuhraya sama ada di Kedah ataupun di Perak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menekankan di sini tentang ada juga tempat-tempat persinggahan di lebuhraya itu telah disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak. Malahan di tempat-tempat persinggahan itu yang dibuat untuk perhentian kenderaan sementara telah dipergunakan oleh segolongan muda mudi yang bercumbu-cumbu di lebuhraya itu. Walaupun mendapat untung dari kutipan tol daripada usaha mereka yang seringkali berjalan malam menggunakan lebuhraya, tetapi ini satu perkara yang mengaibkan dan patutlah LLM mengambil perhatian

supaya diadakan kawasan-kawasan yang terbuka yang mudah dilihat oleh orang yang lalu lalang di atas jalan raya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Bekalan Air Luar Bandar di Bawah Maksud P. 56. Di Kedah masih banyak lagi kawasan-kawasan kampung yang berkehendakkan bekalan air. Bekalan air inilah yang menyebabkan, terutama sekali di kawasan saya sendiri, Jerai pada tahun lalu ada 18 buah kampung yang telah diserang oleh penyakit taun atau cholera. Ini adalah disebabkan oleh bekalan air yang tidak sempurna. Oleh yang demikian, peruntukan bekalan air itu patutlah ditambahkan supaya orang-orang kampung dapat menggunakan bekalan air yang bersih dan dapat dihindarkan dari penyakit-penyakit yang selalu menyerang penduduk-penduduk kampung itu. Dan tentang kemudahan itu juga saya mengingatkan pihak Jabatan Kerja Air Negeri harus memberikan perhatian khasnya kepada penduduk-penduduk pedalaman. Janganlah memperhitungkan dari segi keuntungan ekonomi. Kalaulah ada di kampung-kampung itu lima-enam buah rumah, maka sepatutnya walaupun mereka tinggal jauh daripada jalan raya, maka patutlah diberikan bekalan air yang sempurna.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tadi saya teringat Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang menyatakan bahawa banyak janda-janda yang telah dipotong bantuan bulanannya yang diberikan oleh Jabatan itu. Di kawasan saya juga iaitu di Jerai, pada tahun lalu memanglah Pejabat Wakil Rakyat di kunjungi oleh orang-orang tua oleh kerana bantuan mereka telah ditahan sehingga beberapa bulan, sedangkan mereka hanya bergantung kepada bantuan yang diberikan oleh Kementerian ini sahaja. Bantuan

itupun tidak lebih dari \$50-\$60 sebulan; ini pun telah dipotong. Oleh yang demikian, Kementerian ini haruslah memberikan perhatian kepada mereka yang dhaif ini iaitu orang-orang tua yang hanya mengharapkan bantuan daripada kita. Mereka tidak sanggup lagi mengemis di tepi-tepi jalan, atas jambatan dan sebagainya tetapi mereka telah sanggup menduduki rumah-rumah orang-orang tua dan sanggup pula menerima bantuan seperti yang kita berikan, tetapi kalau bantuan itu diberhentikan, apatah lagi dikurangkan daripada peruntukan yang biasa didapati oleh mereka, maka inilah yang menjadi satu bebanan pula kepada kita. Mereka itu akan merayau-rayau menjadi pengemis untuk mendapatkan saraan nafkah mereka bagi mengisi keperluan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar banyak rakan-rakan saya, terutama di kalangan orang yang baru menjadi Pembangkang mengatakan bahawa pelabur amat susah datang ke negara kita sekarang kerana banyak masalah sudah ditimbulkan dan telah membangkitkan dahulu selepas 13 Mei kita wujudkan Dasar Ekonomi Baru, pelabur-pelabur tanpa banyak bicara telah datang masuk ke negara kita. Saya rasa mungkin pada masa itu tidak ada orang kita yang ke luar negeri yang memburuk-burukkan negara kita sendiri. Pada masa itu pelabur tidak mendapat tentangan daripada warganegara kita, tetapi sekarang bukan sahaja orang-orang biasa, malahan ada pemimpin-pemimpin kita dan bekas pemimpin kita yang sanggup memburuk-burukkan, menjatuhkan imej Malaysia kita di kalangan negara luar yang menyebabkan para pelabur merasakan keraguan ini. (*Tepuk*)

Oleh yang demikian, adalah tidak sepatutnya kalau sekarang dituduh, kerana kepimpinan kita atau pemimpin kita yang ada sekarang. Dan mereka pada masa dahulu, mereka juga

berusaha menarik pelabur-pelabur daripada luar negeri, tetapi sekarang mereka telah berbalik pula menahan pelabur-pelabur jangan masuk ke negara kita ini. Apakah ini satu perjuangan daripada orang-orang yang betul-betul cintakan negara, orang yang betul-betul hendak berbakti kepada negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita banyak mencari helah, janganlah banyak sangat menuduh kepada Kerajaan kita. Cukuplah setakat ini. Kita ada banyak peluang yang terbuka untuk kita berbaik semula, ada banyak pintu yang terbuka untuk kekuatan perpaduan kita kalau tidak benar-benar ikhlas bagi memperbaiki dan menjaga kestabilan politik negara kita dan berbagai-bagai lagi. Hanya kepada kita sendirilah yang akan menentukan corak kemajuan dan pembangunan negara kita pada masa hadapan. Tak usahlah kita mencari helah atau berbalah perkara yang kecil-kecil untuk diperbesar-besarkan untuk mengisi kemahuan kita sendiri. Cukupkah sekadar ini kita telah mula berpecah dan janganlah perpecahan ini akan dituruti hingga menjadi pusaka untuk memecahkan zuriat bangsa kita pada masa hadapan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Simunjan.

5.57 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Yang di-Pertua, saya ini rasa saya hendak bercakap yang terpendek sekali dari ucapan-ucapan saya selama ini kerana saya hanya ingin menyentuh perkara Maksud T.13—Pencen, Elaun Per-saraan dan Ganjaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu tidak ada dalam Borang B.27 ini.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya lupa mungkin terkhayal dengan ucapan kawan-kawan tadi, jadi sudah bersedialah. Terpaksa cari tajuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Maksud P.53 dan P.44 iaitu Kementerian Penerangan. Mengenai Kementerian Penerangan saya ingin sentuh sedikit-sebanyak mengenai projek ataupun rancangan SEMARAK yang diadakan di seluruh negara. Oleh kerana kedudukan saya ini Bebas, bukan Bebas maksud saya sama dengan Bebas yang baru melompat ke sebelah sini, yang saya telah alu-alukan, tetapi saya beritahu kawan-kawan, saya Bebas daripada yang melompat dan Bebas daripada yang lain.

Saya berjalan melintasi kawasan SEMARAK, di Sarawak, kawasan yang digunakan untuk mengadakan program SEMARAK. Saya nampak kawasan itu setelah digunakan untuk program SEMARAK ini tidak pernah digunakan untuk yang lain, sedangkan belanja untuk membuat, menyediakannya begitu banyak. Jadi saya perlu dan ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan, ini untuk kebaikan bersama, supaya apa yang telah dibuat sama ada rancangan SEMARAKkah, rumah dan tempat-tempat yang dibuat untuk rancangan SEMARAKkah, saya fikir kalau dapat secepat mungkin disusuli dengan penggunaan-penggunaan yang lebih bermakna kepada rakyat.

Saya kira Kerajaan memang merancang untuk berbuat demikian, tetapi kalau sekiranya ditanya soalan ini tentunya dijawab oleh Menteri bahawa ini perlu memakan masa. Itu jawapan biasalah.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi satu perkara yang boleh menakutkan kita ialah kalau tidak digunakan

kawasan ini dengan secara maksima, memberi manfaat maka saya takut nanti tempat itu digunakan sebagai kawasan rumah untuk muda-mudi bercengkarama. Ini menjadi dosa kepada kita.

Beralih saya kepada Maksud B.27, Kementerian Luar Negeri . . . . .

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Parit bangun. Minta penerangan?

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Saudara Yang Berhormat, berkisar daripada sudut SEMARAK . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh berucap kata kepada dia (*Ketawa*)

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada pandangan yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bersabit dengan SEMARAK. Beliau menyarankan atau menyatakan serta memberi pandangan bahawa jika sekiranya program SEMARAK ini dihayati dengan sepenuhnya, sehinggakan tempat atau bekas SEMARAK pun digunakan sepenuhnya adalah baik. Adakah Yang Berhormat Bebas dan Ahli Bebas yang lain sependapat dengan saya jika sekiranya kita menggunakan sepenuhnya program SEMARAK ini sehingga tapak pun kita gunakan adalah satu program yang baik?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya macam ini. Saya ini terus terang. Semenjak program SEMARAK ini diadakan, termasuk yang di Kuching itu, saya tidak dijemput. Jadi hanya selepas program itu sahaja yang saya

melintasi kawasan itu, tengok tidak dipakai. Jadi itu sahaja saya tahulah. Kalau dijemput mungkin saya hadir. Jadi saya sarankan juga janganlah anggap bahawa orang yang tidak disangka tidak menyokong ini kalau dijemput tidak hadir, (*Tepuk*) mungkin juga hadir.

Dan Yang Berhormat Menteri Penerangan pun datang ke kawasan saya, saya berdiri tepi jalan, iaitu di dalam satu program lawatannya, saya tidak dijemput. Jadi macam mana saya hendak tahu. Kalau jemput mungkin saya tahu juga apa yang dilakukannya. Tetapi kalau digunakan dengan betul, menjelaskan akan apa yang dimaksudkan oleh saudara tadi, saya rasa dia memberi manfaat, tetapi sama ada dia dijalankan dengan betul atau orang yang datang itu menggunakan dengan betul atau tidak, saya rasa perlu dipertimbangkan untuk diperbaiki di masa akan datang.

Maksud mengenai Kementerian Luar Negeri, saya berpendapat sesiapa sahaja yang ditugaskan untuk berkhidmat di luar negeri adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat dengan betul kepada terutama sekali seperti yang telah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya tadi kepada pelabur-pelabur ataupun bakal-bakal pelabur di negara kita.

Di samping itu saya juga menyarankan, kita ini ingin memajukan pelaburan, menambahkan pelaburan yang datang ke negara kita menerusi usaha yang dibuat oleh pegawai-pegawai ataupun agensi-agensinya di luar negeri dari negara kita. Oleh kerana itu saya rasa adalah menjadi tanggungjawab sesiapa sahaja yang diberi tanggungjawab ini untuk menjalankan tugas memberi gambaran yang baik supaya mereka ini tidak takut datang ke negara kita dan juga memberi gambaran yang baik kepada kita di negara ini apa yang

harus kita buat. Misal kata jangan selalu sangat pergi ke luar negeri tetapi pergi melancong dalam negeri kita sendiri. Dan saya mencadangkan oleh kerana ada berkaitan sedikit ucapan saya tadi dengan pelancongan, saya mencadangkan supaya sesiapa sahaja yang pergi ke luar negeri dikenakan \$50 satu kali pergi supaya wang itu dapat dimasukkan ke dalam tabung untuk mengembangkan industri pelancongan di dalam negara kita atau \$100 kah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat baca di bawah apa?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Itu sebenarnya ada hubungan dengan ucapan saya tadi. Saya selit sedikit sahajalah (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit sahajalah, jangan banyak sangat.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah Maksud P. 54 Kementerian Kerjaraya.

Mengenai Lembaga Lebuhraya Malaysia. Kalau saya bercakap menyentuh Sarawak ini takut-takut kawan saya kata Bujang Ulis ini regionalistic. Tetapi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap di luar negeri, di Bangsa-Bangsa Bersatu tentu beliau inginkan sesuatu untuk Malaysia. Itu pun regionalistic. Namun demikian, saya sebagai Wakil Rakyat daripada Simunjan, berasal daripada Sarawak ingin menyarankan kalau dapatlah, saya tengok lebuhraya sebelah Semenanjung ini banyak betul. Daripada utara ke selatan, barat ke timur, barat daya, timur daya (*Ketawa*) dan sebagainya, saya tidak tahu apa lagi.

Jadi semenjak ini diadakan saya tengok belum ada lagi rancangan untuk mengadakan lebuhraya di Sarawak. Jadi harap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dengar ucapan saya inilah. Setidak-tidaknya saya bantu dia juga untuk memohon daripada Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kepada Sarawak untuk diadakan lebuhraya di Sarawak itu. Kalau dapat mulalah daripada Kuching pergi ke Simunjan, kalau dapatlah. Dan di Sabah jugalah.

Jadi saya mohon kerana apa, kerana kita dengar lebuhraya! lebuhraya! Yang ada lebuhraya di sini, sana belum ada. Kata orang Iban "bedau ese". Jadi kita mohon ini diadakan.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd Tamrin bin Abdul Ghafar:** Yang Berhormat dari Simunjan berharap agar Ketua Menteri Sarawak dapat mendengar ucapan beliau pada hari ini. Apakah tujuan yang sebenarnya itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tujuannya senang sahaja, jangan dia anggap saya ini mengancam dia sahaja (*Ketawa*) Saya pun tolong dia, ringankan beban dia itu sebagai Ketua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh Maksud P.56 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Memanglah ini tajuk yang paling popular di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ahli-ahli Dewan Rakyat memang berminat betul dengan tajuk ini. Kerana apa? Membantu kawasan untuk dimajukan, membantu Ahli Parlimen untuk dapat

sedikit sebanyak menyumbangkan kepada kemajuan kawasan pilihanraya. Jadi sedihlah macam saya ini sudah tidak ada lagi menjadi Ahli Barisan Nasional ini, peruntukan MP sudah habislah. Jadi terpaksa melalui proses ini mintalah walaupun tidak melalui MP Fund, mintalah kawasan-kawasan seperti Simunjan, yang lain-lain itu minta diberi peruntukan jalanraya, air luar bandar kalau dapat sekarang ini 50% daripada peruntukan air baru diberikan kepada kawasan Simunjan, minta kalau dapat mencapai tahap taraf 90% ataupun 100% sama dengan Kuala Lumpur ataupun kawasan-kawasan yang sudah maju.

Begitu juga dengan projek-projek jalan-jalan luar bandar, jalan-jalan kecil ditinggikan tarafnya dan sebagainya supaya peruntukan itu akan terus diberi, kerana kalau kita mampu memberi \$3.4 ribu juta untuk Lebuhraya Utara/Selatan, kenapa kita tidak mampu memberi \$3.0 juta untuk Simunjan, misal kata, ataupun untuk kawasan-kawasan lain. \$3 juta ini sedikit sahaja jika dibanding dengan \$3.4 ribu juta, supaya dapat kawasan-kawasan luar bandar itu menikmati kemakmuran, kemajuan yang telah dinikmati oleh penduduk-penduduk yang lain yang duduk di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah daripada saya, dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah berucap dalam masa 10 minit? Kita kena habiskan pada hari ini dan saya minta lepas daripada itu Menteri untuk menjawab. Silakan.

6.12 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba berucap dengan seberapa ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak melengah-lengahkan masa, saya ingin sentuh berhubung dengan Maksud B.44—Kementerian Penerangan. Banyak telah pun disentuh berhubung dengan Kementerian ini yang mana saya rasa saya sendiri pun mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian yang berusaha untuk meluaskan liputan radio VHF/FM ini yang diminta \$1.9 juta. Saya rasa ini satu usaha yang baik bagi meluaskan lagi khidmat penerangan kepada rakyat berhubung dengan apa yang terjadi di dalam negara kita ini iaitu dengan mendapat bunyi yang terang dan sebagainya kepada pendengar-pendengar radio khususnya di tempat pendalaman yang selalu mendapat rintangan daripada cuaca dan sebagainya.

Sebenarnya bukan itu saya maksudkan begitu penting tetapi ianya berhubung dengan hal ini juga, oleh kerana masa pendek, saya mengharapkan supaya Kementerian Penerangan cuba memikirkan semula sebagaimana ada yang disebutkan berhubung dengan Laporan Parlimen yang selalunya disiarkan apabila Parlimen bersidang. Tetapi sekarang ini tidak ada lagi yang kita lihat, hanya dimasukkan di dalam Warta Berita sahaja. Hal ini amat penting. Wakil-wakil Rakyat yang datang ke sini mewakili rakyat mereka yang jauh, laporan ini sungguhpun di radio ianya ada disiarkan selama 10-15 minit tetapi di TV tidak ada lagi, hanya sambil lewa sahaja ia menyiarkan sedikit sahaja liputan itu. Oleh itu saya mengharapkan supaya diadakan semula. . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli dari Simunjan minta penjelasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Pendek sahaja penjelasannya. Agak-agaknya apa sebab dipotong itu? Apa sebab tidak ada lagi itu?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Saya bukan Menteri hendak menjawab. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ialah, tetapi agak-agaknya apa?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Agak-agaknya saya hendak minta supaya diadakan semula. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun pula di belakang sana.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan. Adakah cadangan Yang Berhormat dari Lembah Pantai itu berdasarkan pada pendapat bahawa siaran atau laporan Parlimen itu lebih penting daripada nyanyian, lawak jenaka ataupun unsur-unsur hiburan yang lain? Kalau itu dirasakan penting, apakah dikatakan ianya patut dan sila beri alasan-alasan lainlah.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Saya rasa belum sampai lagi, tetapi sebenarnya penting, penting diadakan laporan itu selain daripada hiburan dan sebagainya kerana rancangan hiburan boleh didapati melalui radio dan sebagainya. Kita masih ada lagi saluran dua, tiga, di TV dan seterusnya. Saya bukanlah Menteri untuk memberi jawapan kepada saudara tetapi jawapannya amat penting. Laporan ini semasa Parlimen bersidang ini sahaja. Kita pentingkan iklan-iklan yang begitu banyak, kadang-kadang kita lihat waktu Warta Berita baru lagi dalam satu minit, dua minit sudah tunggu sebentar menunjukkan iklan rokok dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli dari Besut bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Adakah Yang Berhormat sedar dalam masa dua minggu ini Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak ada dalam Dewan ini. Barangkali dengan sebab itu juga maka siaran ini dikurangkan sedikit.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Saya rasa ini tidak kena mengena dengan itu kerana Timbalan Menteri ada di sini. Saya bukan hendakkan apa-apa tetapi kita berkehendakkan dengan ikhlas supaya semuanya sama ada Bebas, Parti Pembangkang dan seterusnya dapat meneruskan balik, itu sahaja. Saya harap tidak ada yang hendak meminta penjelasan lagi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Ada lagi?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Bersetuju atau tidak Yang Berhormat, kalau saya katakan 20 minit tidak cukup. Satu jam baru cukup, macam mana?

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Kalau boleh sampai habislah semua yang cakap. (*Ketawa*) Tetapi kemungkinan jemu pula kita. Elok ambil isi-isi yang bernas sahaja, bukan semuanya. Ini termasuklah Ahli Bebas, kalau pihak RTM memikirkan perlu kerana negara kita demokrasi, bebas, boleh menerangkan. Sekarang ini rasa saya tidak ada rintangan, sekatan dan sebagainya, hanya yang mengatakan begitu ialah mereka yang terasa-rasa di hati sahaja, sebenarnya tidak. Kita boleh lihat. Selain daripada itu susahlah, banyak sangat mereka cerita kepada saya nanti.

Sekarang saya beralih kepada Maksud B.53, Kementerian Kebajikan Masyarakat. Berhubung dengan permohonan \$1.3 juta ini memang dialu-alukan. Hanya saya mengharapkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat iaitu berhubung dengan pemulihan orang-orang cacat. Kita masih lagi lihat banyak orang-orang cacat meminta sedekah, bukan sahaja di Kuala Lumpur ini sahaja bahkan di pekan-pekan yang lain dan termasuk juga orang-orang cacat yang dihina, yang duduk di kampung-kampung meminta sedekah dan sebagainya.

Saya harap Kementerian ini mengambil daya usaha supaya mereka ini dapat dibela dan di samping itu diberi pelajaran ataupun asuhan supaya mereka ini dapat berdikari dan untuk menolong diri mereka sendiri selain daripada apa yang diminta peruntukan ini.

Kementerian Kerjaraya ini pun telah disentuh begitu banyak iaitu berhubung dengan Lebuhraya Malaysia—Butiran 01, pemberian yang berjumlah \$100 juta.

Dengan adanya lebuhraya seumpama ini, saya rasa pihak Pembangkang dan pihak-pihak yang tidak puashati dalam soal ini sengaja sahaja. Oleh kerana dengan adanya jalanraya ini kita dapat memendekkan perjalanan dan di samping itu juga kita boleh memandu dengan baik dan di samping itu juga pihak pelancong dari luar negeri akan dapat datang ke Malaysia ini melihat keadaan jalan raya kita yang begitu baik, ada jambatan, ada sungai dan seterusnya, yang boleh dilihat. Saya rasa tiada sebabnya pihak-pihak yang berkenaan tidak berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia. Hendakkah kita melihat negara kita yang telah merdeka ini masih lagi menggunakan jalan yang bengkok-bengkok ataupun

jalan yang tidak elok? Ini rasa saya susahlah, bagaimana Kerajaan hendak buat. Hanya saya mengharapkan oleh kerana jalanraya-jalanraya yang dibuat ini begitu baik, tetapi yang dikehendaki pada hari ini ialah untuk menjelaskan bil-bil dari kontraktor, bayaran juruperunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual, yang masih terhutang oleh Kerajaan, lebih-lebih lagi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia ini.

Hanya saya mengharapkan kerana kita lihat jalan-jalan yang telah disediakan ini banyak yang runtuh, yang rosak dan sebagainya. Ini bukan salah Kementerian, ini hanya saya rasa salah daripada kontraktor, salah daripada perundingan dan sebagainya. Oleh itu, dalam keadaan ini duitnya masih ada kepada kita untuk dibayar, saya mengharapkan supaya dapat pihak Kementerian menyelidik jikalau sekiranya benda ini masih ada lagi di dalam kontrak tender supaya wang ini tak usah dibayar lebih dahulu, supaya mereka membetulkan jalan-jalan yang rosak ini, sepatutnya tidak rosak dan telah rosak dan pihak Kerajaan membelanjakan lebih banyak lagi sebagaimana yang ada pihak JKR minta duit dan membelanjakan. Ini saya rasa perlu kerana lain kali kontraktor-kontraktor yang lain tidak membuat salah lagi, hanya mereka ini hendakkan elok sahaja dilihat, selepas itu dibiarkan, lepas itu kita membiayai. Oleh kerana wang ini masih banyak lagi kita tahan, ini pandangan daripada diri saya, sama ada diterima atau tidak, itu terpulang kepada Kementerian yang mana saya harap supaya ini tidak ada masalah yang lain.

Soal bekalan air dan elektrik, iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Maksud P.56. Bekalan elektrik dahulu. Di dalam bandar ini dan di luar bandar juga di kawasan saya boleh dikatakan

tiga suku penduduk-penduduk duduk di tanah-tanah tanpa izin, tanah haram. Mereka ini duduk tinggal di kawasan-kawasan di celah-celah bukit, di tepi-tepi sungai, di tepi-tepi jalan raya, di tepi-tepi jalan keretapi dan mereka ini berkehendak sungguhpun mereka ini juga pengundi kepada kita semua, bukan di kawasan saya sahaja, rasa saya di kawasan Kuala Lumpur ini begitu juga, mereka ini berkehendakkan bekalan api. Tetapi pihak Dewan Bandaraya saya rasa Jabatan Perdana Menteri, LLN tidak ada halangan untuk bekalkan api, banyak kawasan-kawasan telah pun kita membekalkan api dan elektrik, tetapi yang malangnya rumah-rumah yang berdekatan dengan jalan keretapi tidak diberi. Kalau tidak diberi semuanya tak apa, tetapi sebelah sana diberi. Umpamanya, ini telah pun saya rundingkan dengan pihak Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu supaya dapat beri kebenaran kita masukkan tiang elektrik untuk penduduk-penduduk yang berdekatan jalan keretapi. Pihak Railway mengatakan tak boleh, salah itu dan ini dan sebagainya, tetapi yang malangnya di tempat lain sedangkan kilang-kilang papan dan kilang-kilang perabot dan sebagainya tempat yang sama, di kawasan yang berdekatan boleh dapat api, tetapi bila kita minta ini tak dapat.

Oleh itu, saya mengharapkan Menteri yang berkenaan supaya dapat menjelaskan kepada pihak KTM umpamanya supaya mereka ini bertolak ansur sedikit untuk memberi kemudahan. Mereka ini bukan untuk lama, tetapi untuk sekejap atau sementara pihak KTM hendak menggunakan tempat itu berilah kemudahan-kemudahan ini bagi kepentingan mereka sendiri. Inilah harapan saya kepada pihak yang berkenaan khususnya bukan kepada Kementerian, kepada KTM supaya Kementerian ini dapat mengarahkan KTM memberikan. Pihak Dewan Bandaraya tidak ada halangan, pihak

LLN tidak ada halangan dan pihak-pihak yang lain tidak ada halangan, hanya KTM sahaja yang menghalang, mereka mengatakan itu dan ini dan sebagainya, tetapi yang lain boleh memberi kelonggaran.

Rasa saya oleh kerana masa pun tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang untuk memberikan wang tambahan bagi tahun perbelanjaan 1987. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.24 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ada lebih kurang 6 minit sahaja untuk menggulung. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh sambung esok.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masih ada kawan-kawan yang hendak sambung ucapan. Kalau hendak jawab esok, saya ingat beri kami peluang untuk bercakap sebab saya sudah bangun tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada 5-6 minit sahaja lagi dan. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tadi saya bangun, Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal ini bukan soal saya, soal Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat kata satu hari.

Saya minta maaf. Jikalau sekiranya Yang Berhormat hendak pinda Peraturan Mesyuarat, saya ikut. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya cuba.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987 dan juga usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 dan jika sekiranya dalam jawapan dan golongan yang akan saya bantahkan ini tidak menyentuh mana-mana pihak ataupun mana-mana butir yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan, saya minta maaf dan minta supaya Kementerian-kementerian berkenaan yang telah pun diwakili oleh pegawai-pegawai mereka dalam Dewan yang mulia ini mengambil perhatian tentang apa yang telah dibangkitkan.

Pertama saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang antara lain telah menyatakan bahawa Kerajaan telah pun membelanja wang begitu banyak ataupun mungkin akan membelanjakan wang begitu banyak untuk membeli peralatan tentera. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah Kerajaan membeli peralatan tentera ialah untuk memperlengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan peralatan moden termasuk pesawat-pesawat pejuang yang lebih sofistikated bagi menggantikan peralatan-peralatan lama serta meningkatkan lagi keupayaan pertahanan negara untuk

mempertahankan negara kita dan juga untuk mempertingkatkan pembangunan keupayaan ketenteraan yang memerlukan masa yang panjang untuk dilakukan dan kita tidak mahu diperangkap dalam satu keadaan di mana kita tidak boleh dan tidak mempunyai persiapan yang sempurna. Pembelian senjata-senjata daripada luar negara seperti disebutkan oleh Yang Berhormat tidak menjejaskan pembangunan negara kerana soal pembangunan negara telah diambilkira oleh Kerajaan sebelum satu-satu keputusan mengenai pembelian tersebut, terutama pembelian senjata khususnya yang melibatkan wang yang banyak ini telah pun diambilkira oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan berkenaan dengan fungsi-fungsi beberapa Kementerian-kementerian dan juga Badan-badan Berkanun yang bertindih dari segi pemberian peruntukan dan pengendalian untuk mengadakan bekalan elektrik, air dan jalan-jalan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pada amnya tidak ada pertindihan dari segi fungsi yang dijalankan oleh beberapa Kementerian, Jabatan ataupun agensi Kerajaan bagi mengadakan kemudahan infrastruktur ataupun prasarana asas bagi kawasan-kawasan di luar bandar seperti jalanraya, bekalan elektrik dan bekalan air. Sepanjang penjelasan, peruntukan tambahan yang dipohon adalah untuk program jalan luar bandar, bekalan elektrik dan bekalan air kawasan luar bandar yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan program yang tersebut tidak dikendalikan oleh Kementerian-kementerian lain, oleh kerana itulah maka permohonan tersebut dibuat.

Fungsi yang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah untuk mengadakan

janakuasa dan sumber kuasa khasnya oleh LLN dan tidak mengadakan bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar. Bagi Kementerian Kerjaraya pula ianya mengendalikan jalan raya-jalan raya utama dan jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung. Bagi bekalan air pula projek Antah Biwater adalah bertujuan untuk mengadakan sumber-sumber air seperti pembinaan loji-loji air dan seterusnya saluran paip utama dan besar ke kawasan-kawasan luar bandar, tetapi penyambungan saluran-saluran paip-paip air ke kampung-kampung adalah dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan hal berkenaan dengan butir-butir sumbangan peruntukan tambahan diperlukan, daripada mana-mana butir-butir sumbangan ini diperlukan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, minta sambungkan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*